AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PELITA BRUNEI

قليتا برونى

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

70 TAHUN 1956-2026

MANISNYA IMAN مانيسڽ ايمان

"DAN Kami menurunkan daripada Al-Quran suatu penawar (bagi penyakit rohani dan jasmani) dan rahmat bagi orang-orang yang beriman, dan Al-Quran itu tidaklah menambah kepada orang-orang yang zalim (orang kafir) selain kerugian".
Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam terjemahan makna ayat Surah Al-Israa', ayat 82.

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 4.37 | SUBUH 4.47 | SYURUK 6.09 | DUHA 6.32 | ZUHUR 12.06 | ASAR 3.28 | MAGHRIB 6.02 | ISYAK 7.15

Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 71 BILANGAN 138 | 18 NOVEMBER 2026 / 1448 جمادي الأخير 8 | JABATAN PENERANGAN | EDISI RABU / PERCUMA

EAS PLATFORM PENTING MENGURUS PERBEZAAN SECARA BERTANGGUNGJAWAB



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri Sidang Kemuncak Asia Timur (EAS) Ke-21. - Foto : Azmah Haji Ahad (*Lihat muka 2*)**.**

ASEAN PHILIPPINES 2026

Memperkukuh pentadbiran awam, meningkatkan jaminan kualiti latihan

Oleh : Muhamad Khairul Hisyam Haji Jaya

JERUDONG, Isnin, 16 November. - Kerjasama, pembelajaran bersama dan perkongsian pengalaman antara Negara Anggota ASEAN memainkan peranan penting dalam memperkukuh keupayaan institusi serta melahirkan Perkhidmatan Awam yang lebih cekap, responsif dan bersedia menghadapi cabaran masa hadapan.

>> Muka 11

Peranan akidah, pendidikan Islam, institusi beraja dalam memperkukuh MIB

BERAKAS, Selasa, 17 November. - Peranan falsafah Melayu Islam Beraja (MIB) sebagai asas dalam memelihara identiti, perpaduan dan kedaulatan Negara Brunei Darussalam (NBD) menjadi fokus utama Seminar Majlis Ilmu 2026 yang berlangsung pada hari ini di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, di sini.

Seminar sehari yang dianjurkan sempena Majlis Ilmu 2026 tersebut membawa tema 'MIB : Tonggak Kedaulatan Negara' dan menghimpunkan tokoh-tokoh ilmuwan serta pakar dalam pelbagai bidang untuk membincangkan kepentingan falsafah MIB dalam menghadapi cabaran semasa dan memastikan kelangsungannya sebagai teras kehidupan bernegara.

Oleh : Nooratini Haji Abas

>> Muka 7

Menyuntik semangat saudara baharu terus istiqamah menuntut ilmu agama

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

TUNGKU, Selasa, 17 November. - Selain skim bimbingan ini, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Pusat Da'wah Islamiah (PDI) turut menyediakan beberapa program lain bagi memastikan pembelajaran ugama dapat diteruskan secara berterusan.

Antaranya ialah Kelas Bimbingan Ugama yang dikhususkan kepada saudara-saudara baharu, yang diadakan di 19 buah pusat di keempat-empat daerah. Kelas tersebut diadakan seminggu sekali dengan bimbingan 30 tenaga pengajar, merangkumi pembelajaran Iqra, Al-Quran, Tarannum serta ilmu asas Fardu Ain.

>> Muka 8

IKUTI KAMI DI MEDIA SOSIAL & LAMAN SESAWANG PELITA BRUNEI
Pelita Brunei | www.pelitabrunei.gov.bn

Berita Utama



HARI Apresiasi KHEU raikan kecemerlangan, sumbangan kakitangan, pesara kementerian
Muka 9



SEMAI kesedaran generasi muda mengenai kepentingan ilmu fardu kifayah
Muka 11



PEMBUKAAN Second Echelon Brunei-Singapore CSEP Ke-24
Muka 17



SRLET : Satu abad menyemai ilmu, membina legasi
Muka 20

PELITA BRUNEI

EAS platform penting mengurus perbezaan secara bertanggungjawab

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri

MANILA, REPUBLIK FILIPINA, Selasa, 17 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, hari ini berkenan berangkat menghadiri Sidang Kemuncak Asia Timur (EAS) Ke-21.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri.

Pada Sidang Kemuncak berkenaan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah menyuarakan kebimbangan terhadap peningkatan ketegangan strategik yang semakin menjejaskan kestabilan serantau, dengan mengambil kira risiko berterusan berlakunya insiden dan salah percaturan di Laut China Selatan, di samping konflik global yang mengganggu perdagangan serta bekalan tenaga.

Dalam hubungan ini, baginda bertitah menekankan kepentingan EAS sebagai forum yang diterajui ASEAN dalam menghimpunkan kuasa - kuasa besar dan negara - negara kecil bagi menguruskan perbezaan secara bertanggungjawab, di samping mengekalkan kerjasama dalam bidang-bidang yang mempunyai kepentingan bersama.

Menggariskan bahawa ASEAN Centrality membantu memelihara seni bina serantau yang inklusif dan memastikan dialog kekal terbuka meskipun berdepan dengan persaingan strategik, Kebawah DYMM seterusnya bertitah bahawa dialog terbuka bukan sahaja memerlukan pertukaran pendirian antara negara, malah juga pengiktirafan terhadap kesan yang lebih luas daripada keputusan yang dibuat oleh sesebuah negara serta tanggungjawab bersama dalam memelihara kestabilan.

Baginda selanjutnya bertitah menekankan bahawa apabila timbulnya ketegangan, rundingan, kawalan, dan penyelesaian secara aman yang berpandukan penghormatan sepenuhnya terhadap undang - undang antarabangsa yang diterapkan secara konsisten dan tanpa diskriminasi adalah penting, khususnya bagi memelihara kedaulatan dan keselamatan negara-negara kecil.

Mengahkiri titah, baginda juga menekankan bahawa perbezaan strategik tidak seharusnya menjadi penghalang kepada usaha bersama dalam menangani cabaran cabaran yang dihadapi.

Dalam hubungan ini, Kebawah DYMM bertitah mengetengahkan isu penipuan berasaskan teknologi siber dan penipuan dalam talian sebagai antara bidang yang memerlukan kerjasama secara praktikal. Jenayah-jenayah berkenaan bukan sahaja mengakibatkan kerugian kewangan dan menjejaskan keyakinan terhadap ekonomi digital, malah turut mengeksploitasi golongan yang mudah terdedah, termasuk mangsa pemerdagangan manusia yang dipaksa melakukan kegiatan jenayah.

Sehubungan itu, baginda bertitah mencadangkan agar pengaturan kerjasama sedia ada dimanfaatkan bagi memperkukuh perkongsian maklumat dan usaha bersepadu antara pihak-pihak berkuasa yang berkaitan dalam mengesan aliran kewangan bagi membantu mengenal pasti pihak yang mengendalikan dan membiayai operasi jenayah, membanteras rangkaian jenayah serta meningkatkan perlindungan terhadap mangsa dan masyarakat.

Sementara itu, Kebawah DYMM serta para Pemimpin ASEAN yang lain telah menghadiri Majlis Penutup Sidang Kemuncak ASEAN Kali Ke-49 dan Sidang-sidang Kemuncak Berkaitan, serta penyerahan Pengerusi ASEAN kepada Republik Singapura.

Majlis dimulakan dengan lagu rasmi ASEAN, 'The ASEAN Way', diikuti dengan ucapan daripada Presiden Republik Filipina selaku Pengerusi ASEAN bagi tahun ini.

Presiden Republik Filipina menyerahkan 'Gavel Pengerusi ASEAN' kepada Perdana Menteri Republik Singapura, yang kemudiannya diikuti dengan ucapan oleh Perdana Menteri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Lawrence Wong.

Majlis turut menampilkan tayangan video 'Singapore ASEAN Chairmanship in 2027' serta diserikan dengan beberapa persembahan pentas.

WAKTU SEMBAHYANG

NOVEMBER MASIHI	HARI	JAMADILAKHIR HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
18	RABU	8	4.37	4.47	6.09	6.32	12.06	3.28	6.02	7.15
19	KHAMIS	9	4.38	4.48	6.09	6.32	12.07	3.28	6.02	7.15
20	JUMAAT	10	4.38	4.48	6.09	6.33	12.07	3.28	6.02	7.15
21	SABTU	11	4.38	4.48	6.10	6.33	12.07	3.29	6.02	7.16
22	AHAD	12	4.38	4.48	6.10	6.34	12.07	3.29	6.03	7.16
23	ISNIN	13	4.38	4.48	6.10	6.34	12.08	3.29	6.03	7.16
24	SELASA	14	4.39	4.49	6.11	6.34	12.08	3.30	6.03	7.16

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI

	RABU	KHAMIS	JUMAAT
Bandar Seri Begawan	34 26 °C	34 26 °C	33 24 °C
Pekan Bangar	33 25 °C	33 25 °C	33 24 °C
Pekan Tutong	33 25 °C	33 25 °C	32 24 °C
Kuala Belait	33 25 °C	33 25 °C	31 24 °C

Wallahualam Bissawab www.met.gov.bn

Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

SIDANG PENGARANG 18 NOVEMBER 2026

Bersedia dan cakna masa depan

DALAM kehidupan seharian, kita mesti bersedia dengan apa jua kemungkinan yang akan berlaku. Dalam keadaan geopolitik yang tidak tentu, kita perlu mempersiapkan diri dan cakna dengan masa depan kita. Terutama sekali belia yang merupakan aset negara yang penting kerana penerus generasi akan datang. Manakala cakna pula bermaksud ambil peduli atau ambil berat terhadap seseorang ataupun sesuatu perkara. Pada masa ini, bukan sahaja belia perlu dilengkapi dengan pelbagai kemudahan, seperti kemudahan pendidikan, kemudahan kerjaya, kemudahan sosial, kemudahan teknologi dan berbagai-bagai kemudahan lagi. Hanya tinggal bagaimana kita selaku belia mengambil peluang dengan kemudahan yang sudah tersedia.

Bersedia dan cakna masa depan membawa maksud golongan yang mempunyai kesedaran, keprihatinan dan tanggungjawab terhadap masa depan diri sendiri, masyarakat, bangsa dan negara.

Bermula dengan pendidikan yang mana kita pada masa ini perlu mempersiapkan diri dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran. Ilmu pengetahuan perlu seiring dengan kemahiran. Kerana tanpa ilmu pengetahuan kita mungkin tidak mahir dengan apa yang kita pelajari. sebagai contoh, kita tahu akan cara memasak tetapi kita perlu ada kemahiran dalam memasak. Seterusnya, kerjaya ini semakin hari semakin mencabar setelah tamat pengajian kita akan mencari pekerjaan. Peluang dan kemudahan pada masa ini bukan sahaja yang tersedia, malah kita boleh mencipta atau membina peluang pekerjaan untuk diri sendiri yang orang lain.

Cabaran sosial pada zaman dahulu sudah jauh berbeza dengan zaman sekarang. Dengan adanya pendedahan melalui telefon bimbit, internet, laman-laman sesawang dan juga aplikasi-aplikasi sosial boleh mengubah cara kita berfikir, mengubah cara kita bergaul dan sebagainya. Prihatin terhadap isu dan keperluan masyarakat adalah menjadi perbincangan penting. Seperti perambahan brunei *camah mata* yang bermaksud duduk diam dan memerhatikan sahaja sesuatu keadaan atau kejadian tanpa mengambil sebarang tindakan atau peduli (bersikap tidak ambil peduli atau apatetik). Jadinya ini penting untuk sentiasa peka dengan persekitaran.

Teknologi semakin pesat, semakin pantas. sebagai contoh, kita baru memiliki telefon bimbit yang terkini dan canggih tetapi keesokan harinya telefon bimbit kita sudah tidak canggih lagi kerana ada yang lebih baru. Ubaya-ubaya kita dalam mengikuti arus kecanggihan teknologi.

Bagi mengakhiri Sidang Pengarang keluaran kali ini, marilah kita sama-sama bersiap sedia dan cakna dengan masa depan. Cabaran bukan sahaja dengan apa yang kita lihat tetapi cabaran yang tidak nampak seperti yang dalam talian. Jadilah generasi yang lengkap, bertanggungjawab dan mampu menyumbang kepada pembangunan negara. Sekian Sidang Pengarang buat keluaran kali ini. – **Ketua Penyuntingan (Fa)**

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

pelita.brunei@information.gov.bn | 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 2381004 | www.pelitabrunei.gov.bn

دتريبتكن اوله جابتن قنراغن، جابتن قردان منتري دان دچيتق اوله قرين ت قلس سندیرين برحد، نكارا بروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

KERJASAMA MARITIM MEMPERTINGKATKAN KESELAMATAN, KESTABILAN SERANTAU



Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Muhammad Asri Awang Haji Abas, Azmah Haji Ahad

MANILA, REPUBLIK FILIPINA, Selasa, 17 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama para Pemimpin ASEAN, hari ini berkenan berangkat menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN-India Ke-23.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri.

Pada Sidang Kemuncak berkenaan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah mengetengahkan hubungan maritim yang telah lama terjalin antara Asia Tenggara dan Republik India melalui perdagangan, kebudayaan serta pertukaran antara rakyat.

Baginda dalam titah turut mengingatkan bahawa peningkatan ketegangan maritim boleh mengancam hubungan tersebut dan seterusnya menekankan peranan penting kerjasama ASEAN-India dalam memelihara keamanan, kestabilan serta kebebasan pelayaran.

Menyatakan bahawa keselamatan dan kemakmuran ekonomi Negara Brunei Darussalam (NBD) sebagai sebuah negara pesisir yang kecil bergantung kepada lautan yang terbuka dan selamat, Kebawah DYMM dalam titah menegaskan bahawa hak semua negara, tanpa mengira saiz, hendaklah dihormati berlandaskan undang - undang antarabangsa, khususnya Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Undang-Undang Laut 1982 (UNCLOS).

Bagi mengelakkan insiden maritim daripada meruncing, baginda bertitah menekankan kepentingan kerjasama praktikal dengan mengetengahkan Latihan Maritim ASEAN-India Ke-2 sebagai landasan yang bermanfaat dalam memperkukuh komunikasi dan perkongsian maklumat antara pihak berkuasa maritim.

Mengakhiri titah, Kebawah DYMM turut menekankan kepentingan melindungi sumber marin, mata pencarian masyarakat pesisir pantai serta ekosistem marin melalui kerjasama yang lebih erat dalam pengurusan perikanan mampan, khususnya dalam membanteras aktiviti penangkapan ikan secara haram, tidak dilaporkan dan tidak dikawal selia.

Baginda bertitah merumuskan bahawa kerjasama maritim yang diperkukuh akan memantapkan keselamatan dan kestabilan serantau, sekali gus memajukan perdagangan, kesalinghubungan serta hubungan ekonomi yang lebih luas antara ASEAN dan Republik India.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama para Pemimpin ASEAN berkenan beramah mesra bersama Perdana Menteri Republik India, Tuan Yang Terutama Shri Narendra Modi dan para Pemimpin ASEAN (kanan dan kanan sekali).





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama para Pemimpin ASEAN berkenan berangkat menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN-India Ke-23.

ASEAN, Jepun jalin hubungan kerjasama berteraskan kepercayaan bersama

MANILA, REPUBLIK FILIPINA, Selasa, 17 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, hari ini berangkat menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN-Jepun Ke-29.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri.

Semasa Sidang Kemuncak tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah menekankan bahawa ASEAN dan Jepun telah menjalin hubungan kerjasama yang berteraskan kepercayaan bersama dan hubungan 'dari hati ke hati' sesama rakyat selama melebihi lima dekad.

Baginda dalam titah seterusnya menekankan bahawa hubungan erat ini berupaya membawa hasil yang praktikal dalam memperkukuh sekuriti makanan, sambil menyatakan bahawa gangguan bekalan boleh mencetuskan lonjakan harga secara mendadak serta memberikan masa yang terhad kepada kerajaan untuk mengambil tindakan.

Bagi mengelakkan ancaman terhadap sektor pertanian daripada meruncing menjadi krisis yang lebih serius, baginda bertitah menyeru agar risiko-risiko dikenal pasti pada peringkat awal dengan memanfaatkan teknologi satelit dan kepakaran Jepun dalam pemantauan tanaman.

Baginda menekankan bahawa pengintegrasian data berkenaan ke dalam rangka kerja serantau yang sedia ada akan membolehkan tindak balas yang lebih terselaras serta meningkatkan tahap kesiapsiagaan serantau secara menyeluruh.

Akhir sekali, baginda bertitah menekankan keperluan untuk meningkatkan pengeluaran makanan domestik dengan membantu para petani meningkatkan hasil pertanian serta membuat persediaan bagi menghadapi kemungkinan berlakunya gangguan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia turut mengetengahkan Pelan Kerjasama Midori ASEAN-Jepun sebagai salah satu mekanisme penting dalam menyediakan teknologi digital yang mampu milik dan berdaya tahan terhadap perubahan iklim serta latihan praktikal yang boleh disesuaikan dengan keperluan setempat.

Sehubungan itu, baginda bertitah menggesa menteri-menteri yang berkaitan untuk membawa cadangan-cadangan tersebut ke hadapan melalui mekanisme sekuriti makanan yang sedia ada, demi melindungi mata pencarian rakyat serta memastikan bekalan makanan terus mudah diperoleh pada harga yang berpatutan untuk semua.

Bersedia menghadapi krisis masa hadapan, bertindak balas secara proaktif

MANILA, REPUBLIK FILIPINA, Selasa, 17 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, hari ini berangkat menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN Plus Three (APT) Ke-29.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri.

Pada Sidang Kemuncak APT Ke-29 berkenaan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama para Pemimpin ASEAN yang lain mengimbas kembali penubuhan rangka kerja APT susulan Krisis Kewangan Asia 1997.

APT menghampiri kerjasama selama tiga dekad, baginda bertitah menekankan kepentingan mengambil iktibar daripada pengalaman lalu bagi bersedia menghadapi krisis pada masa hadapan dan bertindak balas secara proaktif sebelum ia meruncing.

Bagi memperkukuh daya tahan serantau melalui kerjasama yang lebih erat dalam perdagangan maritim, kesalinghubungan logistik serta sekuriti tenaga dan makanan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah menekankan hubungan rapat antara makanan, tenaga dan pengangkutan kerana bidang - bidang ini saling berkaitan, dengan pengeluaran dan pengedaran makanan bergantung kepada tenaga dan pengangkutan yang terjamin.

>> Muka 4

PELITA BRUNEI

Berangkat ke Majlis Santap Malam Gala

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Muhammad Asri Awang Haji Abas, Azmah Haji Ahad



MANILA, REPUBLIK FILIPINA, Isnin, 16 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, malam ini berangkat menghadiri Majlis Santap Malam Gala bagi meraikan Ketua-ketua Negara dan Kerajaan ASEAN, Ketua-ketua Negara dan Kerajaan yang lain serta Tetamu-tetamu Khas yang menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN Ke-49 dan Sidang-Sidang Kemuncak Berkaitan, yang dihoskan oleh Presiden Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Ferdinand R. Marcos. Jr. selaku Pengerusi ASEAN dan isteri, First Lady Louise Araneta-Marcos.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri.

Sejurus tiba di Philippine International Convention Center, Kebawah Duli Yang Maha Mulia



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat menghadiri Majlis Santap Malam Gala yang dihoskan oleh Presiden Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Ferdinand R. Marcos. Jr. selaku Pengerusi ASEAN dan isteri. Berangkat mengiringi baginda ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri (atas dan kiri).

Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dialu-alukan oleh Tuan Yang Terutama Presiden Republik Filipina dan isteri.

Majlis tersebut turut diserikan dengan beberapa persembahan kebudayaan.

Mendukung kepelbagaian ekonomi, mewujudkan sumber pendapatan mampan

MANILA, REPUBLIK FILIPINA, Isnin, 16 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, hari ini berangkat menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN - Republik Korea (ROK) Ke-27 bersama para Pemimpin ASEAN yang berlangsung di Philippine International Convention Center, Manila.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri.

Pada Sidang Kemuncak tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah dengan pandangan bahawa Perkongsian Strategik Komprehensif ASEAN - ROK mampu menyokong kepelbagaian ekonomi dan mewujudkan sumber pendapatan yang mampan.

Kebawah DYMM dalam titahnya menekankan bahawa kekuatan teknologi dan industri kreatif ROK menawarkan peluang kepada golongan belia dan perniagaan kecil di ASEAN untuk berkembang maju dalam ekonomi yang sedang berubah.

Baginda bertitah Kecerdasan Buatan (AI) dapat memperkemas tugas-tugas pentadbiran dan meningkatkan kecekapan bagi Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) yang berdepan kekurangan tenaga kerja serta peningkatan kos operasi.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN-Republik Korea (ROK) Ke-27 bersama para Pemimpin ASEAN.

Baginda juga bertitah bahawa Inisiatif ASEAN-ROK AI Companionship dapat memperkukuh hubungan antara perniagaan kecil dengan syarikat teknologi bagi mendapatkan akses kepada peralatan mampu milik, latihan praktikal serta sokongan berterusan untuk meningkatkan produktiviti dan daya saing mereka.

Baginda kemudiannya bertitah menekankan bahawa industri kreatif merupakan satu lagi saluran penting bagi pertumbuhan yang berteraskan warisan budaya dan bakat, di samping menggalakkan bimbingan, penerbitan bersama dan akses pasaran yang lebih luas untuk penggiat kreatif muda melalui Inisiatif Industri Budaya dan Kreatif ASEAN-ROK.

PERKONGSIAN ASEAN-AUSTRALIA PERKASA DAYA SAING PERNIAGAAN SERANTAU

MANILA, REPUBLIK FILIPINA, Isnin, 16 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, hari ini berangkat menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN-Australia Ke-6 di Philippine International Convention Center, Manila.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri.

Pada Sidang Kemuncak ASEAN - Australia Ke-6, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah mengetengahkan kedudukan istimewa Australia sebagai Rakan Dialog pertama ASEAN dan negara pertama yang menjalin Perkongsian Strategik Komprehensif dengan ASEAN.

Sempena ulang tahun kelima perkongsian tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia menekankan kepentingan untuk terus memperkukuh asas kerjasama yang kukuh bagi meningkatkan daya saing dan mempersiapkan sektor perniagaan menghadapi transformasi digital.

Baginda bertitah menekankan keperluan memperluaskan akses kepada pasaran serantau, selaras dengan langkah ASEAN memajukan Perjanjian Rangka Kerja Ekonomi Digital, bagi mewujudkan peluang yang bermakna kepada rakyat ASEAN.

Menyedari cabaran serta prosedur rumit dan kekurangan sokongan praktikal, khususnya bagi perusahaan yang lebih kecil, yang dihadapi oleh syarikat-syarikat dari Negara Brunei Darussalam yang berhasrat untuk berkembang melangkaui pasaran domestik, baginda mengetengahkan peranan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN-Australia-New Zealand (AANZFTA) yang telah dinaik taraf dalam memudahkan penggunaan dokumen elektronik serta pematuhan keperluan rentas sempadan, sekali gus mengurangkan kos dan kelewatan penghantaran bagi pengeksport.

Baginda juga bertitah menzahirkan penghargaan terhadap sokongan Australia melalui inisiatif 'Australia for ASEAN Digital Transformation and Future Skills' yang telah membantu para pekerja syarikat menggunakan peralatan digital dalam aktiviti e-Dagang.

Baginda mengakhiri titah dengan menegaskan bahawa inisiatif kerjasama seumpama ini jelas menunjukkan nilai perkongsian ASEAN - Australia dalam membantu perniagaan menyesuaikan diri, berkembang serta merebut peluang-peluang baharu dalam ekonomi digital.

>> Muka 3

Kebawah DYMM bertitah bahawa gangguan merentasi sektor - sektor ini boleh menyebabkan kekurangan bekalan, kenaikan harga dan kelewatan dalam penghantaran barangan keperluan asas.

Baginda seterusnya bertitah mencadangkan agar dikaji bagaimana pengaturan sedia ada dapat berfungsi bersama apabila beberapa sektor berada di bawah tekanan secara serentak, dengan hasil penemuan tersebut dijadikan panduan bagi penambahbaikan praktikal dalam penyelarasan dan tindak balas.

Kebawah DYMM bertitah mencadangkan agar APT mempertimbangkan untuk menjalankan latihan bersama yang melibatkan agensi makanan, tenaga dan pengangkutan bagi menilai penyelarasan dan tindak balas di Negara-negara ASEAN dan Plus Three. Penglibatan yang lebih erat dengan pihak perniagaan dan pengendali logistik boleh membantu mengenal pasti laluan penghantaran atau pembekal alternatif serta menangani halangan yang berpotensi sebelum gangguan berlaku. Usaha-usaha ini akan membantu mengekalkan akses kepada bekalan keperluan asas dan mengehadkan peningkatan kos yang ditanggung oleh rakyat semasa krisis.

Kerjasama ASEAN-PBB pacu keamanan, kemanusiaan, pembangunan mampan

MANILA, REPUBLIK FILIPINA, Isnin, 16 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, hari ini berangkat menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN - Pertubuhan Bangsa - Bangsa Bersatu (PBB) Ke-16 bersama para Pemimpin ASEAN yang berlangsung di Philippine International Convention Center, Manila.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN-Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) Ke-16 bersama para Pemimpin ASEAN.

Pada Sidang Kemuncak tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah menzahirkan penghargaan kepada Setiausaha Agung PBB, Tuan Yang Terutama António Guterres, atas pendirian teguh beliau dalam memperjuangkan keamanan, perlindungan kemanusiaan, dan pembangunan mampan di tengah-tengah krisis berterusan yang menguji peraturan antarabangsa, di samping menggariskan kepentingan kerjasama ASEAN-PBB dalam menegakkan Piagam PBB serta undang - undang antarabangsa bagi memelihara kedaulatan negara - negara kecil dan menyelesaikan pertikaian secara aman.

Baginda turut menggesa PBB agar meneruskan usaha bagi memastikan pematuhan penuh terhadap gencatan senjata di Gaza, akses bantuan kemanusiaan tanpa halangan serta penyelesaian dua negara yang adil dan berkekalan bagi Palestin.

Menyentuh keutamaan iklim dan pembangunan menjelang tahun 2030, baginda bertitah menekankan keperluan kerjasama ASEAN - PBB untuk memperkukuh daya tahan terhadap risiko iklim bagi melindungi kemajuan pembangunan yang telah dicapai, serta membina kapasiti Negara - negara Anggota ASEAN bagi mencapai Matlamat Pembangunan Mampan (SDG).

Baginda dalam titahnya turut mengetengahkan kepentingan bantuan teknikal dan latihan daripada agensi-agensi PBB yang berkaitan bagi membantu negara-negara mengaplikasikan penilaian risiko iklim dalam perancangan nasional dan kesiapsiagaan bencana, termasuk melalui kerjasama dengan Pusat Perubahan Iklim ASEAN.

Akhir sekali, Kebawah Duli Yang Maha Mulia turut menzahirkan penghargaan atas komitmen berterusan Setiausaha Agung yang kukuh terhadap ASEAN, serta menyampaikan ucapan selamat maju jaya kepada beliau sempena berakhirnya tempoh perkhidmatannya dan menzahirkan harapan untuk bekerjasama dengan penggantinya.

PERKUKUH INTEGRASI DIGITAL, LUASKAN AKSES PASARAN PMKS

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Muhammad Asri Awang Haji Abas, Azmah Haji Ahad

MANILA, REPUBLIK FILIPINA, Isnin, 16 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, hari ini berangkat menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN - China Ke-29 bersama para Pemimpin ASEAN yang berlangsung di Philippine International Convention Center, Manila.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri.

Semasa sesi tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah bahawa tahun 2026 menandakan 35 tahun hubungan ASEAN - China serta Ulang Tahun Kelima Perkongsian Strategik Komprehensif.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah menekankan kepentingan memanfaatkan hubungan ekonomi yang kukuh melalui integrasi digital serta kepakaran e-Dagang Republik Rakyat China bagi memperluaskan akses pasaran untuk Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS), khususnya di Negara Brunei Darussalam, untuk berkembang melangkaui pasaran domestik yang terhad dan mencapai pembeli di seluruh ASEAN dan Republik Rakyat China.

Kebawah DYMM turut mengetengahkan bagaimana pengalaman Republik Rakyat China dalam bidang e-Dagang dapat membantu perusahaan kecil memenuhi keperluan untuk menjual produk di pasaran baharu dan mencapai pelanggan melalui platform digital.

Baginda bertitah menggalakkan pelaksanaan peruntukan ASEAN - China FTA 3.0 yang berkesan, seperti perdagangan tanpa kertas dan pemudahcaraan kastam serta mengalu - alukan cadangan Republik Rakyat China untuk menetapkan tahun 2027 sebagai Tahun Kerjasama Kecerdasan Buatan (AI) ASEAN-China.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN-China Ke-29 bersama para Pemimpin ASEAN yang berlangsung di Philippine International Convention Center, Manila.

Baginda turut mencadangkan pada tahun tersebut agar pelopor inovasi, institusi teknikal dan PMKS dihubungkan melalui projek-projek praktikal bagi meningkatkan produktiviti perniagaan serta memberikan pengalaman dan kemahiran praktikal yang bernilai kepada golongan belia.

Bagi mengekalkan kepercayaan dan keyakinan dalam urus niaga dalam talian, baginda bertitah menggariskan keperluan penggunaan AI secara bertanggungjawab di samping perlindungan kukuh terhadap data peribadi dan perniagaan.

Baginda bertitah menggalakkan penyelarasan yang lebih erat dalam kalangan pihak berkuasa berkaitan bagi menangani penipuan siber rentas sempadan dengan pantas, serta mencadangkan agar menteri-menteri berkaitan memajukan kerjasama dalam bidang ini di bawah ASEAN-China Plan of Action for 2026-2030 bagi membantu perniagaan dan pengguna menyertai ekonomi digital dengan lebih yakin.

PELITA BRUNEI

NBD, REPUBLIK DEMOKRATIK RAKYAT LAO TERUS PERKUKUH PERSAHABATAN, KERJASAMA



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri Majlis Perjumpaan Dua Hala bersama Perdana Menteri Republik Demokratik Rakyat Lao, Tuan Yang Terutama Saleumxay Kommasith.

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Muhammad Asri Awang Haji Abas, Azmah Haji Ahad

MANILA, REPUBLIK FILIPINA, Isnin, 16 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri Majlis Perjumpaan Dua Hala bersama Perdana Menteri Republik Demokratik Rakyat Lao, Tuan Yang Terutama Saleumxay Kommasith.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri.

Majlis Perjumpaan tersebut telah diadakan di Philippine International Convention Center, Manila, hari ini.

Semasa Majlis Perjumpaan Dua Hala tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah merakamkan ucapan tahniah atas pelantikan Tuan Yang Terutama Saleumxay Kommasith sebagai Perdana Menteri Republik Demokratik Rakyat Lao pada 5 Oktober 2026.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah menzahirkan hasrat untuk terus memperkukuh persahabatan dan kerjasama yang telah lama terjalin demi manfaat serta kemakmuran bersama kedua-dua buah negara dan rakyat masing-masing.

Kebawah DYMM turut merakamkan ucapan tahniah kepada Republik Demokratik Rakyat Lao atas kejayaannya beralih keluar daripada status Least Developed Country (LDC), satu pencapaian penting yang mencerminkan daya tahan serta komitmen negara tersebut menuju pembangunan mampan.

Baginda juga bertitah menzahirkan rasa puas hati mengenai hubungan Perkongsian Strategik antara Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Republik Demokratik Rakyat Lao, yang merangkumi bidang perdagangan, pertahanan, pendidikan dan pertukaran antara rakyat.

Memandangkan landskap geopolitik yang sentiasa berubah, baginda bertitah menekankan kepentingan memperkukuh sekuriti makanan dan rantaian bekalan.

Dalam hubungan ini, baginda bertitah bahawa NBD berminat untuk membangunkan hubungan perdagangan melalui usaha sama dalam sektor pertanian bagi meningkatkan kapasiti kedua-dua buah negara.

Baginda seterusnya bertitah bahawa Biasiswa Kerajaan NBD bagi pelajar-pelajar dari Republik Demokratik Rakyat Lao telah dilanjutkan sehingga tahun 2029, yang akan terus merapatkan hubungan antara rakyat kedua-dua negara melalui pendidikan.

Baginda juga menzahirkan penghargaan terhadap penyertaan Republik Demokratik Rakyat Lao dalam Kursus Bahasa Inggeris yang dikendalikan oleh para pegawai pertahanan NBD, serta berharap agar penyertaan tersebut akan berterusan.

Hubungan diplomatik antara NBD dan Republik Demokratik Rakyat Lao mula terjalin pada 27 Julai 1993. Kedua-dua buah negara menikmati hubungan dua hala yang erat dan mesra serta terus memperkukuh kerjasama dalam pelbagai bidang, termasuk perdagangan, pertahanan, pendidikan dan pertukaran antara rakyat.

NBD dan Republik Demokratik Rakyat Lao telah meningkatkan hubungan dua hala kepada Perkongsian Strategik pada 3 Oktober 2023 bersempena dengan Ulang Tahun Ke-30 Hubungan Diplomatik antara kedua-dua buah negara.

Memperkukuh kesalinghubungan tenaga, kesiapsiagaan serantau

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Muhammad Asri Awang Haji Abas, Azmah Haji Ahad

MANILA, REPUBLIK FILIPINA, Selasa, 17 November. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri selaku wakil Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat bersama para Pemimpin ASEAN yang lain menghadiri Mesyuarat Pemimpin Asia Zero Emission Community (AZEC) Ke-4.

Pada mesyuarat tersebut, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen bersabda merakamkan penghargaan kepada Jepun atas kepimpinannya dalam AZEC dan mengetengahkan bahawa ketidaktentuan geopolitik terus menjejaskan pasaran tenaga serta rantaian bekalan.

Duli Yang Teramat Mulia menekankan peranan penting AZEC dalam memajukan usaha penyahkarbonan di samping memperkukuh keselamatan tenaga dan daya tahan serantau.

DYTM seterusnya menegaskan bahawa sekuriti tenaga dan penyahkarbonan perlu saling memperkukuh antara satu sama lain, dengan mengambil kira keadaan setiap negara yang berbeza, selaras dengan prinsip AZEC, iaitu 'One Goal, Various Pathways'.

DYTM turut bersabda mengetengahkan kelebihan yang saling melengkapi antara teknologi Jepun, sumber tenaga Australia dan pasaran ASEAN yang semakin berkembang dalam menyokong peralihan tenaga secara praktikal.

Walau bagaimanapun, DYTM mengingatkan bahawa peralihan tersebut tidak seharusnya mewujudkan kebergantungan baharu, khususnya apabila pengurangan kebergantungan terhadap bahan api konvensional boleh meningkatkan kebergantungan kepada sebilangan kecil pembekal mineral kritikal dan teknologi.

DYTM juga bersabda menekankan pentingnya menterjemahkan aspirasi AZEC kepada kerjasama yang praktikal, termasuk memperkukuh kesalinghubungan tenaga dan kesiapsiagaan serantau serta kerjasama dalam bidang penyelidikan iklim, pemindahan teknologi, pembangunan kapasiti dan pembiayaan.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri berangkat menghadiri mesyuarat tersebut.

Dalam hubungan ini, DYTM bersabda bahawa Pusat Perubahan Iklim ASEAN (ASEAN Centre for Climate Change – ACCC), yang akan berpejabat di Negara Brunei Darussalam (NBD), merupakan salah satu saluran kerjasama yang praktikal.

DYTM merakamkan penghargaan kepada Jepun dan Australia atas sokongan kedua-dua negara terhadap inisiatif perubahan iklim ASEAN, termasuk pembangunan pusat berkenaan; dan mengalu-alukan kerjasama yang lebih erat dengan Jepun dan Australia bagi memperkukuh keupayaan institusi dan teknikal ACCC serta menghubungkan keutamaan iklim ASEAN dengan inisiatif-inisiatif AZEC yang berkaitan, di samping memastikan usaha sedemikian melengkapi gerak kerja sedia ada dan mengekalkan kepimpinan ASEAN dalam Pusat tersebut.

Akhir sekali, DYTM bersabda menegaskan bahawa peralihan tenaga perlu memperkukuh dan bukannya menjejaskan daya tahan serantau, manakala AZEC hendaklah menggalakkan kerjasama dan bukannya perpecahan dalam menghadapi persaingan geopolitik.

DYTM turut menegaskan semula komitmen NBD untuk terus bekerjasama dengan rakan- rakan AZEC bagi menghasilkan manfaat yang praktikal kepada ekonomi dan rakyat.

PERANAN AKIDAH, PENDIDIKAN ISLAM, INSTITUSI BERAJA DALAM MEMPERKUKUH MIB

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

>> Muka 1

Seminar yang berlangsung ini dibahagikan kepada tiga sidang utama yang membincangkan aspek agama, sistem beraja, sejarah, bahasa, budaya, pendidikan dan pembentukan jati diri generasi muda.

Dalam Sidang Pertama bertema 'Islam dan Sistem Beraja sebagai Tonggak Kestabilan dan Kedaulatan Negara' mengetengahkan peranan akidah, pendidikan Islam dan institusi beraja dalam memperkukuh falsafah MIB sebagai asas kestabilan dan kedaulatan negara.

Hadir selaku tetamu-tetamu kehormat pada Sidang Pertama ialah Menteri Penyelaras bagi Keselamatan Negara, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof serta Menteri Kewangan II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.



YANG Dimuliakan Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman membentangkan kertas kerja.

Dua kertas kerja dibentangkan dalam sidang ini masing-masing disampaikan oleh mantan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Dimuliakan Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman dengan kertas kerja bertajuk 'Aqidah dan Pendidikan Islam: Benteng Pengukuhan MIB dalam Menghadapi Cabaran Global'.

Dalam pembentangannya, Yang Dimuliakan Pehin menjelaskan bahawa komponen Melayu merujuk kepada identiti bangsa Melayu yang berteraskan tujuh puak jati di NBD.

Kemelayuan bukan sekadar merujuk kepada keturunan tetapi juga merangkumi bahasa, adat resam, budaya, nilai dan cara hidup masyarakat. Unsur ini turut menjadi sebahagian daripada asas kepada sistem pemerintahan beraja dan pembentukan institusi kekeluargaan dalam masyarakat.

Bukan itu sahaja, Islam jelasnya, merupakan agama rasmi NBD, berlandaskan pegangan Ahli Sunnah Waljamaah dengan Mazhab Syafii sebagai pegangan utama dalam amalan dan perundangan agama. Islam berperanan sebagai panduan kehidupan yang mencakupi aspek akidah, syariah dan akhlak serta menjadi asas kepada pembentukan masyarakat di negara ini.

Malahan, institusi beraja adalah tonggak pemerintahan negara. Sultan sebagai pemerintah dan ketua negara memegang amanah kepimpinan yang berlandaskan ajaran Islam serta peruntukan Perlembagaan NBD. Pemerintahan beraja bukan sekadar institusi politik, bahkan mempunyai tanggungjawab besar dalam memelihara agama Islam, kesejahteraan rakyat dan kedaulatan negara.

Dalam menghuraikan falsafah MIB, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memberikan penjelasan yang ringkas tetapi amat bermakna tentang hubungan ketiga-tiga komponennya.

Sementara itu, Profesor di Fakulti Sastera dan Sains Sosial (FASS), Universiti Brunei Darussalam (UBD), Profesor Ampuan Dr. Haji Brahim bin Ampuan Haji Tengah pula menyampaikan pembentangannya dengan kertas kerja bertajuk 'Sistem Beraja Brunei : Warisan Melayu Islam Beraja, Tunjang Kedaulatan Negara'.



YANG Berhormat Menteri Penyelaras bagi Keselamatan Negara, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II; dan Yang Berhormat Menteri Kewangan II hadir selaku tetamu-tetamu kehormat pada Sidang Pertama berkenaan.

Dalam pembentangannya antara lain menyentuh mengenai Sejarah Sistem Beraja termasuklah dalam zaman awal, zaman kegemilangan, zaman kemerosoton dan perlindungan British serta zaman kebangkitan dan kemerdekaan. Menurut beliau, MIB sebenarnya bukanlah baru tetapi sudah lahir semenjak beberapa abad lagi. Ia tidak lebih daripada menunjukkan bentuk dan corak kerajaan Brunei Darussalam yang tulen; Kerajaan Melayu Islam yang bersultan atau beraja.

Tambahnya, sebagai sifatnya sebuah kerajaan Islam, maka ia adalah yang terbaik dan yang terunggul serta paling adil untuk semua lapisan rakyat dan penduduk di negara ini, sama ada mereka itu beragama Islam ataupun tidak.

Falsafah MIB tonggak identiti, perpaduan, kedaulatan negara

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahamdi
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 17 November. – Peranan falsafah Melayu Islam Beraja (MIB) sebagai asas dalam memelihara identiti, perpaduan dan kedaulatan Negara Brunei Darussalam (NBD) menjadi fokus utama Seminar Majlis Ilmu 2026 yang berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, hari ini.

Pada Sidang Kedua yang bertemakan 'MIB Sebagai Asas Calak Brunei dan Kelestarian Warisan' berkenaan memberi tumpuan kepada kepentingan sejarah, bahasa, budaya dan adat Melayu Brunei dalam memelihara identiti kebangsaan serta memperkukuh semangat patriotisme.

Hadir selaku tetamu-tetamu kehormat pada Sidang Kedua tersebut, Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Sosial dan Tenaga Manusia dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman; dan Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh.

Juga hadir, Timbalan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri, Yang Mulia Datin Seri Paduka Dayang Hajah Tutiaty binti Haji Abdul Wahab; dan Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Paduka Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal.

Yang Dipertua Persatuan Sejarah Brunei (PESEBAR), Dr. Awang Haji Mohd. Rozan bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos dengan kertas kerja bertajuk 'Bahasa, Budaya dan Adat Melayu Brunei : Teras Patriotisme dan Kelestarian Warisan' antara lain menghuraikan mengenai warisan MIB sebagai falsafah kebangsaan NBD dan pencernaannya dalam urus tadbir Islam sepanjang era kemerdekaan.

Dr. Awang Haji Mohd. Rozan juga memberi tumpuan kepada empat tonggak warisan yang diisytiharkan melalui titah-titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam: Titah Tahun 1990 bahawa Kerajaan Brunei adalah Kerajaan Islam, Titah Visi Negara Zikir pada 2007, Titah Pelaksanaan Perintah Hukum Kanun Syariah pada 2013, dan Titah Pengumuman Maqasid Syariah pada 2018 sebagai kerangka panduan tadbir urus negara.

Beliau juga menekankan bahawa keempat-empat titah itu bukanlah pengisytiharan dasar yang berasingan, sebaliknya merupakan penzahiran MIB sebagai warisan yang berakar umbi dalam sejarah, budaya dan tradisi agama NBD, membentuk satu trajektori tadbir urus yang koheren, tersusun dan berterusan daripada asas ideologi, kepada pemupukan rohani, kepada pengkodifikasian undang-undang dan akhirnya kepada penyatuan etika.

Trajektori itu, katanya lagi, mencerminkan gaya pemerintahan baginda sebagai raja pemedulian dan pemegang amanah warisan MIB. Kajian berkenaan seterusnya mencadangkan bahawa model tadbir urus Islam NBD, yang bercirikan pendekatan beransur-ansur, sistematik dan berpaksikan kepada raja, menawarkan contoh warisan yang tersendiri dan berharga untuk diteliti dengan mendalam bagi masyarakat Islam kontemporari.

Tesis utama, tambahnya lagi, ialah empat tonggak urus tadbir Islam era kemerdekaan membentuk satu model warisan MIB yang koheren dan berpengaruh serta wajar mendapat perhatian ilmiah yang serius. Model tersebut dicirikan oleh bentuk berajanya, kaedah pelaksanaannya yang beransur-ansur dan pendekatan sistematiknya.

Model tersebut jelasnya lagi, mengambil serius sifat menyeluruh Islam dengan menangani dimensi ideologi, rohani, undang-undang dan etika tadbir urus. Model berkenaan juga mengutamakan kesejahteraan rakyat, sekali gus mencerminkan gaya pemerintahan baginda sebagai raja pemedulian.

Dr. Awang Haji Mohd. Rozan seterusnya berkata semasa NBD akan menyambut Jubli Intan, negara boleh berbangga dengan pencapaian enam dekad urus tadbir Islam. Seni bina institusi yang didirikan dalam tempoh tersebut menyediakan asas bagi kemakmuran dan kestabilan yang berterusan. Legasi ini menghormati warisan Islam NBD sambil memelukcabaran dan peluang dunia moden.

Legasi berkenaan tambahnya, akan terus membimbing dan memberikan inspirasi kepada generasi akan datang. Apa yang pasti, pengalaman NBD memberikan perspektif yang berharga tentang potensi dan cabaran dalam pelaksanaan tadbir urus Islam dalam konteks dunia kontemporari.

Pengalaman itu ujarnya lagi, wajar diteliti secara mendalam serta diberikan perhatian melalui penglibatan yang konstruktif. Warisan MIB, sebagaimana yang dizahirkan melalui empat tonggak tadbir urus Islam era kemerdekaan, bukanlah warisan yang statik, malah warisan yang hidup yang terus relevan, terus membimbing, danterus memberi inspirasi kepada generasi akan datang.



YANG Berhormat Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Sosial dan Tenaga Manusia dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri; dan Yang Berhormat Menteri Pendidikan hadir selaku tetamu-tetamu kehormat pada Sidang Kedua tersebut.

Sementara itu, pembentang kedua, Pemangku Timbalan Pengetua, Pusat Sejarah Brunei, Awang Mohammad Faisal bin Haji Mat Salleh pula menyatakan bahawa bahasa, budaya dan adat istiadat Melayu NBD merupakan tunjang penting dalam membentuk semangat patriotisme, memperkukuh jati diri bangsa serta memastikan kelestarian warisan negara terus terpelihara berlandaskan falsafah MIB.

Awang Mohammad Faisal dalam kertas pembentangannya mengetengahkan hubungan erat antara bahasa, budaya dan adat istiadat Melayu NBD dalam membentuk identiti kebruneian, di samping memperkukuh hubungan antara raja dengan rakyat.

>> Muka 10



YANG Dipertua Persatuan Sejarah Brunei (PESEBAR), Dr. Awang Haji Mohd. Rozan bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos menyampaikan kertas kerja.

MENYUNTIK SEMANGAT SAUDARA BAHARU TERUS ISTIQAMAH MENUNTUT ILMU AGAMA

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohammad Hasif Matzin



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Konvokesyen Skim Bimbingan Muallaf Kali Ke-4 Tahun 1448 Hijrah / 2026 Masihi (atas), manakala gambar bawah kanan, antara peserta yang diraikan pada konvokesyen berkenaan.

>> Muka 1

Perkara tersebut dijelaskan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan selaku tetamu kehormat majlis semasa berucap pada Majlis Konvokesyen Skim Bimbingan Muallaf Kali Ke-4 Tahun 1448 Hijrah / 2026 Masihi yang berlangsung pagi tadi di Dewan Serbaguna, Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Kampung Katok.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan bahawa terdapat juga Program Tarbiyah Sepanjang Hayat dengan skim-skim bimbingannya yang komprehensif. Ada pula Program Lawatan Tarbiyah Mualaf, iaitu lawatan terus ke rumah saudara-saudara baharu untuk mengikuti perkembangan keislaman mereka, di samping membimbing amalan Fardu Ain secara lebih dekat dan peribadi.

"Di Bangunan Pusat Da'wah Islamiah sendiri, Program Semasa berbentuk Tarbiyah diisi dengan pelbagai kursus, Bengkel Ibadat Sembahyang dan Ibadat Haji serta ceramah dan tazkirah sempena Hari-hari Kebesaran Islam," jelas Yang Berhormat.

Kesemua program tersebut ujar Yang Berhormat, memberi peluang untuk memperkukuh kefahaman akidah, ibadah dan akhlak mengikut tahap pembelajaran serta keperluan masing-masing.

Yang Berhormat seterusnya mengingatkan kepada para peserta agar tidak berhenti atau berpuas hati dengan ilmu yang telah diperoleh. Majlis Konvokesyen yang diadakan bukanlah penamat kepada pengajian, sebaliknya para peserta hendaklah terus mendalami ilmu dan meningkatkan amalan berugama sepanjang hayat dengan berguru kepada guru-guru, ustaz dan ustazah serta merujuk kepada sumber yang berautoriti dan muktabar.

"Namun dalam masa yang sama, berhati-hatilah dengan kandungan media sosial yang tidak diketahui puncanya supaya kita tidak terkeliru dengan ajaran atau fahaman yang menyimpang.

"Dalam pada itu, peliharalah keharmonian hidup berkeluarga dan berjiran tetangga, khususnya dengan mereka yang masih berlainan anutan ugama. Memeluk Islam tidak sekali-kali memutuskan kasih sayang dan tanggungjawab terhadap ibu bapa serta kaum keluarga. Malah, akhlak yang baik terhadap mereka itulah dakwah yang paling berkesan," ujar Yang Berhormat lagi.

Yang Berhormat turut menegaskan bahawa tanggungjawab menjaga dan membimbing saudara-saudara baharu bukanlah terpikul di bahu PDI atau KHEU semata-mata. Sebaliknya, ia menuntut keazaman saudara-saudara baharu itu sendiri untuk cekal dan tidak jemu-jemu mendalami ilmu ugama, di samping sokongan padu daripada ahli keluarga terdekat.

Menurut Yang Berhormat, ia juga menuntut peranan seluruh masyarakat, termasuk para majikan dengan memberi ruang kepada mereka untuk menghadiri kelas. Jemaah masjid dan jiran tetangga pula berperanan menyantuni mereka serta menjauhi prasangka agar saudara-saudara baharu sentiasa berasa diterima, dialu-alukan dan disayangi sebagai sebahagian daripada masyarakat.

Membimbing seorang saudara baharu jelas Yang Berhormat, bukan sekadar memastikan mereka sempurna melafazkan dua kalimah syahadah, bahkan proses bimbingan itu sebenarnya bermula selepas itu.

Sehubungan itu, Yang Berhormat menyeru PDI supaya program bimbingan mualaf yang sedia ada dilaksanakan dengan lebih giat dan lebih tersusun. Maklum balas peserta hendaklah diperoleh dan keberkesanan program dinilai secara berkala bagi memastikan kandungan, kaedah pengajaran dan bentuk sokongan sentiasa menepati keperluan saudara-saudara baharu.

"Bahan-bahan pembelajaran juga perlu terus disemak agar lebih tersusun, mudah difahami dan bersesuaian dengan latar belakang serta tahap pembelajaran peserta.

"Lebih penting lagi, impaknya perlu diukur secara objektif : berapa ramai yang memeluk ugama Islam setiap tahun, berapa ramai yang menyertai bimbingan, berapa ramai yang menamatkannya dan sejauh mana mereka mampu mendirikan sembahyang serta membaca Al-Quran. Dengan angka itulah kita tahu di mana kekuatan kita dan di mana yang perlu dibaiki," jelas Yang Berhormat.

Seramai 150 mualaf telah menerima sijil pada majlis berkenaan yang terdiri daripada 49 orang dari Daerah Brunei dan Muara, 31 orang dari Daerah Belait, 48 orang dari Daerah Tutong dan 22 orang dari Daerah Temburong.

Kesemua penerima tersebut berjaya menamatkan Skim Bimbingan Lanjutan II pada September yang lalu.

Majlis konvokesyen berkenaan diadakan sebagai tanda penghargaan dan pengiktirafan kepada para mualaf yang telah berjaya menamatkan Skim-skim Bimbingan Mualaf anjuran Bahagian Pembangunan Muallaf (Tarbiyah Muallaf), PDI, dengan kerjasama Cawangan Da'wah di daerah-daerah.

Selain itu, majlis tersebut juga bertujuan menghargai komitmen para peserta dalam mengikuti program-program bimbingan yang disediakan.

Atur cara majlis dimulakan dengan perarakan masuk para peserta konvokesyen, diikuti dengan bacaan Sayyidul Istighfar secara beramai-ramai serta bacaan Surah Al-Fatihah oleh Awang Sulhi bin Abdullah Sapin@Sulih bin Sapih, peserta Skim Bimbingan Lanjutan II dari Daerah Belait.

Sejurus selepas itu, Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam, 'Allah Peliharakan Sultan', dinyanyikan secara beramai-ramai.

Majlis diteruskan dengan bacaan Surah Al-Kahfi ayat 1 hingga 10 oleh peserta Skim Bimbingan Lanjutan II dari Daerah Tutong, Dr. Muhd. Rieo Syafi'i bin Salor; manakala inti sari serta pengajaran daripada ayat-ayat tersebut dibacakan oleh peserta Skim Bimbingan Lanjutan II dari Daerah Temburong, Dayang Nurul Ayuni binti Ahmad Bukhari.

Atur cara seterusnya ialah pengumuman Hadiah Peserta Terbaik Keseluruhan Skim Bimbingan Muallaf oleh Ketua Bahagian Pembangunan Muallaf, PDI, Pengiran Hajah Ida Fariani binti Pengiran Haji Kamaluddin.

Majlis kemudian diteruskan dengan penyampaian sijil kepada para peserta konvokesyen serta penyampaian hadiah kepada peserta-peserta terbaik bagi Skim Bimbingan Asas Muallaf (bahasa Melayu), Skim Bimbingan Asas Muallaf (bahasa Inggeris), Skim Bimbingan Lanjutan I dan Skim Bimbingan Lanjutan II yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis.

Majlis turut diserikan dengan persembahan lagu 'Insan Rabbani' oleh gabungan tenaga pengajar dari keempat-empat daerah.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dipimpin oleh Awang Habib Azhari bin Raya, peserta Skim Bimbingan Lanjutan II dari Daerah Brunei dan Muara.

Dengan adanya majlis seumpama itu, adalah diharapkan agar dapat menyuntik semangat dan motivasi kepada para peserta untuk terus istiqamah dalam menuntut ilmu agama. Selain itu, ia juga diharapkan dapat memperkukuh keyakinan diri para peserta untuk terus mempelajari, menghayati dan mengamalkan ajaran Islam, di samping mengeratkan lagi silaturahim sesama mualaf dari keempat-empat daerah.







HARI APRESIASI KHEU RAIKAN KECEMERLANGAN, SUMBANGAN KAKITANGAN, PESARA KEMENTERIAN

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 16 November. - Bagi memberikan pengiktirafan dan penghargaan atas kecemerlangan, khidmat bakti serta sumbangan pegawai dan kakitangan, di samping meningkatkan motivasi dan semangat warga kementerian untuk terus mengamalkan budaya kerja yang cemerlang, berintegriti dan berprestasi tinggi serta menghargai jasa dan sumbangan pegawai dan kakitangan yang telah bersara, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) petang tadi mengadakan Hari Apresiasi KHEU bagi Meraikan Pencapaian -pencapaian Sepanjang Tahun 2026 bertempat di Serambi Suluh, Tarindak d'Seni, Bandar Seri Begawan, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan ucapan alu-aluan dan penghargaan oleh Setiausaha Tetap KHEU, Dr. Awang Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Awang Haji Ahmad yang antara lain menyatakan bahawa majlis tersebut merupakan wadah bagi kementerian untuk mengiktiraf dan menghargai pencapaian, kecemerlangan dan sumbangan warga kementerian dalam pelbagai bidang.

"Sesungguhnya, setiap kejayaan yang diraikan merupakan hasil usaha, komitmen dan kerjasama pelbagai pihak, di samping mencerminkan kesungguhan dalam melaksanakan amanah dan tanggungjawab yang dipikul," ujarnya lagi.

Seterusnya, penyampaian sijil penghargaan dan cenderamata kepada para penerima yang diraikan yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis.

Pada tahun ini, sebanyak 170 sijil penghargaan dan cenderamata telah disampaikan kepada para penerima dan salah seorang menerima sijil penghargaan bagi Program Penggredan: Prestasi Sektor Awam (3PSA) Melalui Penarafan Bintang Sempena Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Ke-33 Tahun 2026 kepada Jabatan Pengajian Islam.

Seramai 10 orang menerima sijil penghargaan bagi Anugerah Inovasi Perdana (AIP) sempena Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Ke-33 Tahun 2026; empat orang menerima sijil penghargaan bagi Anugerah Pekerja: Cemerlang Perkhidmatan Awam (APCPA) Sempena Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Ke-33 Tahun 2026; 16 orang menerima sijil penghargaan bagi Pekerja Cemerlang Peringkat Jabatan Tahun 2026; dan dua orang menerima sijil penghargaan bagi Anugerah Guru Cemerlang Sempena Sambutan Hari Guru Ke-36 Tahun 2026.

Manakala enam orang lagi menerima sijil penghargaan bagi Anugerah Penghargaan Hari Guru (Special Mention) sempena Sambutan Hari Guru Ke-36 Tahun 2026; seorang menerima sijil penghargaan bagi Majlis Tilawah dan Hafazan Al-Quran Peringkat Antarabangsa Ke-66 Tahun 1448 Hijrah / 2026 Masihi dan 130 orang Sijil Penghargaan Perkhidmatan dan Cenderamata kepada Pegawai dan Kakitangan Yang Bersara Atau Menamatkan Perkhidmatan Pada Tahun 2025.

Acara diakhiri dengan bacaan Doa Selamat dan Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Imam Tingkat I, Masjid Lambak Berakas, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Awang Mohammad Farhan@Awang Mohammad Ali bin Alim.



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat menyempurnakan penyampaian sijil penghargaan dan cenderamata.

Penganjuran Hari Apresiasi KHEU 2026 menzahirkan penghargaan terhadap komitmen, dedikasi dan sumbangan warga kementerian dalam mencapai pelbagai kejayaan sepanjang tahun 2026.

Majlis antara lain diharap untuk menjadi wadah dalam mengiktiraf pencapaian cemerlang, memupuk budaya kerja berkualiti serta memperkukuh semangat kerjasama dalam menyokong usaha berterusan kementerian ke arah mempertingkatkan penyampaian perkhidmatan ugama di negara ini.

Majlis tersebut dikendalikan bersama oleh Bahagian Dasar dan Strategik serta Jabatan Pentadbiran, dengan kerjasama Bahagian Perhubungan Awam, Antarabangsa dan MABIMS, Bahagian Teknologi Maklumat, serta Unit Kesihatan, Keselamatan, Kawalan Keselamatan dan Alam Sekitar, KHEU.



Kebakaran hutan : Ancaman kepada kehidupan manusia dan haiwan

ALAM semula jadi merupakan anugerah ciptaan Allah Subhanahu Wata'ala yang tidak ternilai harganya. Hutan ibarat paru-paru bumi yang membekalkan oksigen dan menjadi habitat pelbagai spesies flora dan fauna. Namun begitu, kebelakangan ini fenomena kebakaran hutan semakin membimbangkan telah mengancam keseimbangan ekosistem. Persoalannya, apakah implikasi kebakaran hutan terhadap kehidupan manusia dan haiwan?

Antara kesan utama kebakaran hutan ialah pencemaran udara akibat pelepasan asap dan gas berbahaya. Keadaan ini boleh menyebabkan penyakit pernafasan seperti asma, batuk dan sesak nafas khususnya dalam kalangan kanak-kanak serta warga emas. Di Brunei Darussalam, ancaman jerebu rentas sempadan akibat kebakaran hutan dan tanah gambut di rantau ini bukanlah perkara asing. Malah, hutan Kalimantan, Republik Indonesia mengalami kebakaran besar yang mengakibatkan jerebu merentasi sempadan negara. Jelaslah, api yang marak di negara jiran turut mengundang padah kepada negara lain.

Selain itu, kebakaran hutan memusnahkan habitat semula jadi haiwan seperti orang utan, beruang madu dan gajah Borneo. Haiwan-haiwan ini kehilangan tempat berlindung dan sumber makanan, malah ada yang terkorban akibat terperangkap dalam kebakaran besar. Bak kata peribahasa 'sudah terhantuk baru tengadah' yakni manusia tidak seharusnya menunggu sehingga berlakunya kepupusan spesies sebelum bertindak.

Bagi menangani masalah ini, pihak kerajaan perlu memperketat undang-undang terhadap pembakaran terbuka, mempergiat rondaan hutan serta menjalankan kempen kesedaran alam sekitar. Masyarakat pula digesa untuk bekerjasama 'bak aur dengan tebing' dan mengamalkan sikap bertanggungjawab dan tidak camah mata serta tidak sembarangan membuang puntung rokok di merata tempat atau membakar sampah sesuka hati. Abu yang sedikit dapat berubah menjadi api dan asap yang besar sehingga melarat sehingga memberi kesan yang memudaratkan kesejahteraan manusia dan alam.

Tuntasnya, isu kebakaran hutan merupakan ancaman sejagat yang memerlukan komitmen semua pihak. Udara bersih ialah hak setiap insan manakala pemeliharaannya merupakan pelaburan jangka panjang untuk generasi kini dan mendatang. Ingatlah untuk sematkan slogan ini 'Hutan Terpelihara, Udara Sejahtera, Menjana Kehidupan Terjamin'.

Nama : Mohammad Hazwan bin Suhaimi
No. K/P : 01-101XXX

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :
1.**'Tahap Kesediaan Belia Memasuki Alam Pekerjaan'.** Tarikh Tutup **: 18 November 2026**
2.**'Kepentingan Inovasi dan Kreativiti dalam Perniagaan'.** Tarikh Tutup **: 25 November 2026**
3.**'Gigi Sihat, Hidup Lebih Berkualiti'.** Tarikh Tutup **: 2 Disember 2026**

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200** hingga **300** patah perkataan.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap** dan **nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.
atau melalui
E-mel : *pelita.brunei@information.gov.bn*

Menangi BND75 SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

PELITA BRUNEI

MIB MEMPERKUKUH JATI DIRI, MENYATUKAN GENERASI MERENTAS ZAMAN

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BERAKAS, Selasa, 17 November. - Seminar Majlis Ilmu 2026 merupakan antara wadah perkongsian ilmu dalam memperkukuh penghayatan falsafah Melayu Islam Beraja (MIB) sebagai tonggak kedaulatan negara, di samping menyemarakkan budaya ilmu dan kesedaran masyarakat terhadap tanggungjawab bersama dalam memelihara identiti Negara Brunei Darussalam (NBD).

Sidang Ketiga Seminar Majlis Ilmu 2026 yang bertema 'MIB Memperkukuh Jati Diri, Menyatukan Generasi Merentas Zaman' diteruskan lagi petang tadi membincangkan kepentingan penghayatan nilai-nilai MIB dalam pembentukan akhlak, pendidikan dan jati diri generasi muda, khususnya dalam menghadapi cabaran era digital dan perubahan sosial.

Hadir selaku tetamu kehormat, Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos.

Sebanyak tiga kertas kerja dibentangkan dalam sidang tersebut terdiri mantan Naib Canselor Universiti Teknologi Brunei (UTB), Datin Paduka Dr. Dayang Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman yang mengetengahkan kertas kerja bertajuk 'Adab dalam Era Digital: Memperkukuh Identiti dan Akhlak Generasi MIB'.



DATIN Paduka Dr. Dayang Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman semasa membentangkan kertas kerja.

Dalam pembentangannya, Datin Paduka Dr. Dayang Hajah Zohrah menggariskan statistik pengguna digital global, penggunaan digital platform daripada kalangan pelbagai generasi serta kesan kepada gejala kesihatan mental dan keterhubungan.

Juga diketengahkan bagaimana era komunikasi digital saling berhubung dengan adab, akhlak dan MIB melalui Maqasid Syariah dan cabaran-cabaran seperti pertuturan dan penulisan dalam berkomunikasi yang tidak beradab adalah berpunca dari tiga faktor utama iaitu pengaruh rakan sebaya, terikut dengan kemewahan dan kebebasan bersuara serta siber buli yang berleluasa.

Datin Paduka Dr. Dayang Hajah Zohrah juga mengingatkan bahawa demi memperkukuh kelestarian MIB dengan kawalan dan kewaspadaan adalah perlunya pendidikan dari keluarga, sokongan dari institusi pendidikan, kewaspadaan mengenai adab berkomunikasi, dan akta serta garis pandu penggunaan platform media perlu diketengahkan.

Sementara kertas kerja bertajuk 'Islam Sebagai Teras MIB: Memelihara Pegangan, Menyatukan Generasi' disampaikan oleh Penolong Mufti (Ifta'), Jabatan Mufti Kerajaan, Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Dennie bin Haji Abdullah.

Dalam pembentangannya, Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Dennie mengetengahkan tiga persoalan dalam memperkukuh Islam sebagai teras MIB serta bagaimana Islam memelihara pegangan MIB melalui empat ajaran Islam yang utama iaitu tujuan hidup dalam Islam, akidah dalam membentuk pegangan dan keyakinan, syariah dan akhlak dalam membimbing tindakan dan tingkah laku dan prinsip amanah, keadilan, kemaslahatan dan tanggungjawab bersama.



YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi hadir selaku tetamu kehormat pada Sidang Ketiga Seminar Majlis Ilmu 2026.

Manakala profesor di Akademi Pengajian Brunei, Universiti Brunei Darussalam, Profesor Dr. Awang Haji Asbol bin Haji Mail menghuraikan kertas kerja bertajuk 'MIB: Pendidikan dan Warisan Sejarah dalam Membina Kedayatahanan Belia Brunei'.

Dalam pembentangannya, Profesor Dr. Awang Haji Asbol menumpukan perbincangan falsafah MIB serta peranannya dalam membina kedayatahanan belia di NBD dihubungkan dengan aspek pendidikan dan warisan sejarah.

Juga dikongsikan dasar-dasar kerajaan dalam rancangan membangun negara tidak boleh tersasar dari falsafah ini kerana ia terus digenggam erat dengan petunjuk dan reda Allah agar sentiasa berusaha memperoleh ketenteraman dan keselamatan, kebajikan serta kebahagiaan hidup rakyat sepanjang zaman.

Profesor Dr. Awang Haji Asbol juga menjelaskan beberapa komponen berkaitan seperti komponen Islam dalam falsafah MIB yang merupakan satu agama suci dan satu agama *rahmatan lil 'alamin* iaitu satu agama membawa rahmat ke seluruh alam diturunkan Allah Subhanahu Wata'ala melalui wahyu ke atas para rasul.

Setiap sidang turut diikuti dengan sesi soal jawab yang dikendalikan oleh moderator, sekali gus memberi peluang kepada para peserta untuk mendapatkan penjelasan lanjut serta bertukar pandangan mengenai isu-isu yang dibincangkan.

Seminar petang tadi dihadiri oleh seramai 320 orang yang terdiri daripada pegawai-pegawai kerajaan dan sektor swasta, ahli akademik, penyelidik, guru-guru, para belia, mahasiswa dan mahasiswi, pelajar-pelajar serta masyarakat umum.

Melalui perkongsian ilmu dan perbincangan yang merangkumi pelbagai aspek kehidupan bernegara, seminar ini turut menekankan kepentingan memastikan nilai-nilai MIB terus difahami, diamalkan dan diwarisi oleh generasi masa kini dan akan datang.

Penganjuran seminar ini memberikan peluang kepada para peserta untuk memperluas pengetahuan dan meningkatkan kefahaman serta penghayatan terhadap falsafah MIB, khususnya peranannya dalam memelihara kestabilan, perpaduan dan kedaulatan negara.

Majlis Ilmu 2026 akan diteruskan dengan Majlis Forum di keempat-empat daerah bermula dengan Forum Majlis Ilmu Daerah Belait di Dewan Persidangan Kuala Belait pada 19 November 2026; Forum Majlis Ilmu Daerah Brunei dan Muara di Dewan Musyawarah, Pusat Persidangan Antarabangsa pada 23 November 2026; Forum Majlis Ilmu Daerah Tutong di Dewan Ma'had Islam Brunei pada 26 November 2026; dan Forum Majlis Ilmu Daerah Temburong di Dewan Utama, Kompleks Dewan Kemasyarakatan Temburong pada 28 November 2026.



Falsafah MIB tonggak identiti, perpaduan, kedaulatan negara

>> Muka 7

Selain itu, pembentangan berkenaan menjelaskan bahawa bahasa Melayu NBD bukan sekadar alat komunikasi, malah mempunyai nilai sejarah yang besar sebagai bahasa istana, pemerintahan dan perundangan, sebagaimana yang tercatat dalam Hukum Kanun Brunei serta surat-surat diplomatik antara 1578 hingga 1812.

Kepentingan bahasa katanya lagi, turut terserlah sebagai lambang ketahanan dan kelangsungan negara ketika berhadapan dengan cabaran politik dan ketenteraan. Perkara berkenaan antara lain dirakamkan melalui Syair Rakis, Amanat 20 Februari 1885 serta warkah bantahan Sultan Hashim kepada Ratu Victoria pada 1890.

Kedudukan bahasa Melayu tambahnya, terus dimartabatkan melalui Perlembagaan Negeri Brunei 1959, khususnya Perkara 82, dan pemasyhuran Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam pada 1 Januari 1984 yang menegaskan identiti negara sebagai sebuah negara MIB.

Selain itu, Awang Mohammad Faisal turut menekankan kepentingan memelihara kehalusan bahasa dan budaya dalam kehidupan seharian, termasuk sistem sapaan, penggunaan kata ganti, budi bahasa, seni menegur secara sindiran yang berhemah serta pemeliharaan tulisan Jawi.

Jelasnya, konsep budiman pula dihuraikan menerusi tiga unsur utama, iaitu budi bahasa, budi pekerti dan budi bicara yang bukan sahaja mencerminkan nilai kesantunan, rasa hormat terhadap pemimpin, malah kepada kepatuhan kepada undang-undang dan juga kesantunan dalam bermasyarakat.

Dari aspek adat istiadat tambahnya lagi, konsep daulat, derhaka dan taat setia turut diketengahkan sebagai asas hubungan timbal balik antara raja dengan rakyat, yang dizahirkan antaranya melalui Istiadat Perpuspaan.

Secara keseluruhan katanya, bahasa, budaya dan adat istiadat Melayu NBD bukan sekadar warisan turun-temurun, malah merupakan asas pembentukan patriotisme, pengukuhan identiti kebangsaan dan kesinambungan falsafah MIB demi memastikan warisan negara terus dihargai serta diwariskan kepada generasi akan datang.

Semai kesedaran generasi muda mengenai kepentingan ilmu fardu kifayah





PEMANGKU Setiausaha Majlis Ugama Islam Brunei hadir selaku tetamu kehormat majlis (atas), manakala gambar kanan, Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri menyempurnakan penyerahan Buku Panduan Pengurusan Jenazah kepada wakil masjid-masjid yang terpilih.

Oleh : Nurdiyanah Rajami
Foto : Ihsan Ar-Razaq Kifayah Management

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 16 November. - Dalam usaha berterusan untuk memartabatkan kefahaman serta keseragaman tatacara pengurusan jenazah mengikut lunas syarak, sebuah Buku Panduan Pengurusan Jenazah telah dilancarkan baru-baru ini semasa berlangsungnya Majlis Mawaddah Ar-Razaq 2026 anjuran Ar-Razaq Kifayah Management bertempat di Ruang Legar, Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB).

Adapun penganjuran Majlis Pelancaran Buku Panduan Pengurusan Jenazah di Majlis Mawaddah Ar-Razaq 2026 ini bertujuan untuk menyemai kesedaran dalam kalangan masyarakat umum khususnya generasi muda mengenai kepentingan ilmu fardu kifayah ini agar ia terus diwarisi dan dipraktikkan dengan penuh tertib dan hemah.

Sehubungan itu, hadir selaku tetamu kehormat bagi menyempurnakan majlis pelancaran buku berkenaan ialah Pemangku Setiausaha Majlis Ugama Islam Brunei, Pengiran Ahmad Faris Ramadhani bin Pengiran Haji Sellahhuddin.

Turut hadir pada majlis berkenaan, Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri yang sekali gus bagi menyempurnakan sesi penyerahan Buku Panduan Pengurusan Jenazah kepada wakil masjid-masjid yang terpilih.

Penyerahan buku tersebut merupakan inisiatif strategik bagi memastikan institusi masjid mempunyai bahan rujukan yang komprehensif, tepat dan mudah difahami oleh para pegawai masjid, ahli jawatankuasa takmir serta para sukarelawan pengurusan jenazah di peringkat kariah.

Dengan adanya penyelarasan menerusi buku panduan ini, ia juga diharap agar pelaksanaan pengurusan jenazah di masjid-masjid terpilih dan komuniti setempat akan menjadi lebih teratur, lancar serta dapat melahirkan lebih ramai tenaga mahir dalam kalangan anak kariah pada masa akan datang.

MEMPERKUKUH PENTADBIRAN AWAM, MENINGKATKAN JAMINAN KUALITI LATIHAN



KETUA Pengarah Perkhidmatan Awam, Dr. Awang Norfarizal bin Othman selaku Pegawai Kanan Negara Brunei Darussalam bagi ASEAN Cooperation on Civil Service Matters semasa hadir dan berucap pada perasmian mesyuarat berkenaan.

Oleh : Muhamad Khairul Hisyam Haji Jaya
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

>> Muka 1

Perkara tersebut ditekankan oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Dr. Awang Norfarizal bin Othman selaku Pegawai Kanan Negara Brunei Darussalam (NBD) bagi ASEAN Cooperation on Civil Service Matters (ACCSM) semasa menyampaikan ucapan perasmian pada Mesyuarat Ketua-ketua dan Pemimpin ASEAN Network of Public Service Training Institutes (PSTI) bagi Tahun 2025-2026 yang berlangsung di Berkshire Hall, Royal Brunei Jerudong Polo Club, hari ini.

Dr. Awang Norfarizal yang juga hadir selaku tetamu kehormat seterusnya menjelaskan bahawa Perkhidmatan Awam masa kini berhadapan dengan pelbagai cabaran yang semakin kompleks, termasuk ketegangan geopolitik, ketidaktentuan ekonomi, perkembangan pesat teknologi, perubahan iklim dan perubahan dalam masyarakat.

Menurutnya lagi, perkembangan teknologi baharu termasuk Kecerdasan Buatan (AI) menimbulkan persoalan mengenai tugasan yang boleh diserahkan kepada teknologi, kepentingan pertimbangan manusia dalam membuat keputusan serta keperluan memastikan institusi awam terus bertanggungjawab terhadap keputusan yang dibuat.

Sehubungan itu, para pegawai Perkhidmatan Awam perlu dilengkapi dengan kemahiran dan keyakinan untuk membuat pertimbangan yang sewajarnya, di samping mengekalkan kepercayaan orang ramai terhadap perkhidmatan yang diberikan.

Beliau turut menekankan bahawa inovasi dalam kerajaan bukan lagi sekadar aspirasi, sebaliknya menjadi keperluan penting bagi institusi awam untuk menangani cabaran baharu, meningkatkan penyampaian perkhidmatan dan memenuhi keperluan rakyat yang sentiasa berubah.

Jelas beliau, inovasi yang bermakna tidak hanya bergantung kepada penggunaan teknologi, sistem baharu atau pembaharuan dasar, malah bermula daripada keupayaan individu, kesediaan menerima perubahan serta kebolehan menterjemahkan idea kepada penyelesaian praktikal.

Oleh itu, terangnya, institusi latihan Perkhidmatan Awam mempunyai tanggungjawab penting dalam memastikan program pembelajaran dan pembangunan kekal relevan dengan perubahan tuntutan Perkhidmatan Awam, khususnya melalui pengukuhan kemahiran pemikiran kritis, penyelesaian masalah, pembelajaran berasaskan pengalaman serta perkongsian pengetahuan merentas institusi dan negara.

Beliau juga berharap mesyuarat berkenaan dapat menghasilkan penilaian yang jelas terhadap pencapaian dan pengajaran sepanjang tempoh kepengerusian NBD bagi Tahun 2025-2026, keputusan yang membina terhadap cadangan yang dibentangkan serta saranan praktikal untuk memandu kerjasama rangkaian berkenaan pada masa hadapan.

Dalam pada itu, beliau turut memaklumkan bahawa cadangan pindaan kepada Terma Rujukan ASEAN PSTI Network tidak menerima sebarang bantahan daripada anggota Mesyuarat Pegawai - pegawai Kanan ACCSM (SOM-ACCSM), sekali gus mencerminkan sokongan berterusan Negara-negara Anggota ASEAN terhadap peranan rangkaian tersebut.

Mesyuarat selama dua hari, bermula 16 hingga 17 November 2026 itu dianjurkan oleh Institut Perkhidmatan Awam (IPA), Jabatan Perdana Menteri (JPM) dengan membawa tema 'Driving Innovation in Government'.

Mesyuarat tersebut menghimpunkan ketua - ketua institusi latihan Perkhidmatan Awam serta delegasi daripada Negara-negara Anggota ASEAN, negara pemerhati Republik Demokratik Timor-Leste dan Sekretariat ASEAN bagi memperkukuh pentadbiran awam, meningkatkan jaminan kualiti latihan serta menggalakkan kerjasama strategik di rantau ini.

Sementara itu, pada sesi pembukaan mesyuarat, Pengarah IPA, Dr. Dayang Hajah Noor Maya binti Haji Md. Salleh, selaku Ketua Penyelaras ASEAN PSTI Network bagi Tahun 2025-2026, membentangkan laporan pencapaian sepanjang tempoh dua tahun kepengerusian NBD.

Antara pencapaian utama yang diketengahkan termasuk penyertaan rasmi Republik Demokratik Timor-Leste dalam ASEAN PSTI Network Terms of Reference (TOR), pembentangan laporan negara mengenai amalan jaminan kualiti dan akreditasi dalam kalangan institusi anggota serta penghasilan logo rasmi dan buku penerangan ASEAN PSTI Network.

Mesyuarat turut mendengarkan pembentangan cadangan Republik Indonesia bertajuk 'ASEAN Guiding Principles for Quality Assurance of Training and Recognition Arrangement with the ASEAN Network of PSTIs'.

Cadangan berkenaan bertujuan menyediakan rangka kerja bagi penyelarasan standard latihan dalam kalangan institusi Perkhidmatan Awam Negara-negara Anggota ASEAN.

Program ini turut merangkumi lawatan pembelajaran berasaskan pengalaman ke Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah pada 17 November, diikuti dengan jamuan tengah hari bagi mengeratkan jaringan kerjasama antara delegasi.

ASEAN PSTI Network ditubuhkan bagi menggalakkan kerjasama dan pertukaran pengetahuan antara institusi latihan Perkhidmatan Awam dalam bidang pembelajaran serta pembangunan tenaga kerja, sekali gus menyokong transformasi pentadbiran awam di rantau Asia Tenggara.

Penubuhannya telah diperakukan pada Mesyuarat Ketua-ketua Perkhidmatan Awam ACCSM Ke-19 di Republik Singapura pada 25 Oktober 2018.

Kepengerusian rangkaian berkenaan dilaksanakan secara bergilir bagi tempoh dua tahun, bermula dengan Republik Singapura pada 2019-2020, Thailand pada 2021-2022, Republik Sosialis Viet Nam pada 2023-2024 dan NBD pada 2025-2026, sebelum diteruskan oleh Kemboja bagi penggal 2027-2028.

دعاء مموهن كڤد اللّه سڤاي ترسلامة درڤد بلاء دان سكل جنيس ڤياكيت

DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

ٱلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ ٱلْعَالَمِينَ، وَٱلصَّلَاةُ وَٱلسَّلَامُ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِۦ وَصَحْبِهِۦ أَجْمَعِينَ.

لَآ إِلَٰهَ إِلَّآ أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ ٱلظَّالِمِينَ ﴿3 كالي﴾.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ ٱللَّهِ ٱلتَّآمَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ ٱسْمِهِۦ شَيْءٌ فِي ٱلْأَرْضِ وَلَا فِي ٱلسَّمَآءِ وَهُوَ ٱلسَّمِيعُ ٱلْعَلِيمُ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ ٱللَّهِ وَٱلْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدٌ رَّسُولُ ٱللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِٱللَّهِ.

بِسْمِ ٱللَّهِ عَلَىٰ دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.
بِسْمِ ٱللَّهِ عَلَىٰ أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.
بِسْمِ ٱللَّهِ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.
بِسْمِ ٱللَّهِ خَيْرِ ٱلْأَسْمَآءِ. بِسْمِ ٱللَّهِ رَبِّ ٱلْأَرْضِ وَٱلسَّمَآءِ. بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ ٱسْمِهِۦ دَآءٌ. بِسْمِ ٱللَّهِ ٱفْتَتَحْنَا وَبِٱللَّهِ ٱخْتَتَمْنَا وَعَلَى ٱللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَحَصَّنَّا بِذِي ٱلْعِزَّةِ وَٱلْجَبَرُوتِ. وَٱعْتَصَمْنَا بِرَبِّ ٱلْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى ٱلْحَيِّ ٱلَّذِي لَا يَمُوتُ.

ٱللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُبِكَ مِنَ ٱلْبَرَصِ، وَٱلْجُنُونِ، وَٱلْجُذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ ٱلْأَسْقَامِ.

ٱللَّهُمَّ ٱصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجَمِيعِ ٱلْمُسْلِمِينَ فِي كُلِّ مَكَانٍ ٱلْبَلَآءَ وَٱلْوَبَآءَ وَٱلطَّعْنَ وَٱلطَّاعُونَ وَسَائِرَ ٱلْأَمْرَاضِ وَقِنَا شَرَّ ٱلرَّدَىٰ بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ يَا خَبِيرُ إِنَّكَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿3 كالي﴾.

وَصَلَّى ٱللَّهُ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِۦ وَصَحْبِهِۦ وَسَلَّمَ، وَٱلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ ٱلْعَالَمِينَ.

TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berlindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berlindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

Ihsan : Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama

AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

سَيِّدُ الْإِسْتِغْفَارُ

اَللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لَآ إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، خَلَقْتَنِي وَأَنَا عَبْدُكَ، وَأَنَا عَلَىٰ عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا اسْتَطَعْتُ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا صَنَعْتُ، أَبُوءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَأَبُوءُ بِذَنْبِي، فَاغْفِرْ لِي فَإِنَّهُ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوبَ إِلَّا أَنْتَ.

Maksudnya :
"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahatan yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".

Fadilatnya :
Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

(صلوات تفرجية)

اَللَّهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًّا عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ اَلَّذِي تَنْحَلُّ بِهِ الْعُقَدُ، وَتَنْفَرِجُ بِهِ الْكُرَبُ، وَتُقْضَىٰ بِهِ الْحَوَائِجُ، وَتُنَالُ بِهِ الرَّغَائِبُ وَحُسْنُ الْخَوَاتِمِ، وَيُسْتَسْقَى الْغَمَامُ بِوَجْهِهِ الْكَرِيمِ، وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ فِي كُلِّ لَمْحَةٍ وَنَفَسٍ بِعَدَدِ كُلِّ مَعْلُومٍ لَكَ.

Maksudnya :
Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhurailah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

Penerangannya :
Selawat ini amat luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

اية الكرسى

اَللَّهُ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ ۚ لَا تَأْخُذُهُ سِنَةٌ وَلَا نَوْمٌ ۚ لَهُ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ ۗ مَنْ ذَا الَّذِي يَشْفَعُ عِنْدَهُ إِلَّا بِإِذْنِهِ ۚ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ ۖ وَلَا يُحِيطُونَ بِشَيْءٍ مِنْ عِلْمِهِ إِلَّا بِمَا شَاءَ ۚ وَسِعَ كُرْسِيُّهُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ ۖ وَلَا يَئُودُهُ حِفْظُهُمَا ۚ وَهُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيمُ ﴿٢٥٥﴾

Peringatan :
Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat وَلَا يَئُودُهُ حِفْظُهُمَا ۚ وَهُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيمُ 70 kali. Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

ذكر بجاءن يڠ ممباوا كبراونتوڠن ساڠت بسر
كڤد ڤڠملڽ (تولق بلاء)

(1)

حَسْبُنَا اللَّهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ

(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).

Penerangan :
Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173, Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

(2)

أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمِ

(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).

Penerangan :
Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakannya rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

(3)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung jua).

Penerangan :
Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

(4)

وَأُفَوِّضُ أَمْرِيْ إِلَى اللَّهِ

(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya) kepada Allah jua).

Penerangan :
Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.

(5)

يَا حَيُّ يَا قَيُّومُ، بِرَحْمَتِكَ أَسْتَغِيْثُ

(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).

Penerangan :
Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharapkan pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI

UNISSA / SB0042 / 2026 / 2027
Supply And Install New Air-Conditioning Units At Residential College Block B & E, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) Gadong Campus

[Kelas: II & III]
[Kategori: M01 & E01]

Tarikh Tutup Tawaran:
Rabu,
2 Disember 2026
Jam 2.00 Petang

Syarat-Syarat Tawaran

UNISSA / SB0040 / 2026 / 2027
To Supply, Deliver And Warranty Of Twenty (20) Units SSD M.2 NVME 256GB For Digital Service Centre (DSC), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)

UNISSA / SB0041 / 2026 / 2027
To Supply, Deliver And Warranty Of Network Attached Storage (NAS) For Digital Service Centre (DSC), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)

Tarikh Tutup Tawaran:
Rabu,
2 Disember 2026
Jam 2.00 Petang

JABATAN MAJLIS-MAJLIS MESYUARAT JABATAN PERDANA MENTERI

Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Secara Terbuka

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
JMM / JKSH / 2026 / 26 Troubleshooting Works To Addressable Fire Alarm System And Servicing Fire Extinguisher At Dewan Majlis Building, Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat

Yuran Tawaran:
BND 5.00

Tarikh Akhir Mengambil

Dokumen Tawaran:
21 November 2026

Tarikh Tutup:
Selasa, 24 November 2026
Jam: 2.00 Petang

KEMENTERIAN PENDIDIKAN

Sebut Harga Bagi Perkhidmatan Kantin

DA / JKSH / 149 / 2026 / 2027
[BPPA-NOV-2026]
Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi: Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri, Daerah Brunei Muara Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam. Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun [Kantin Bahagian Blok 'B']

Harga Sewa Kantin:
BND558.00 Sebulan

DA / JKSH / 150 / 2026 / 2027
[BPPA-NOV-2026]
Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi: Sekolah Menengah Lambak Kiri, Daerah Brunei Muara Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam. Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun [Kantin Bahagian Blok 'B']

Harga Sewa Kantin:
BND528.00 Sebulan

DA / JKSH / 151 / 2026 / 2027
[BPPA-NOV-2026]
Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi: Sekolah Menengah Sultan Muhammad Jamalul Alam, Daerah Brunei Muara Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam. Bagi Tempoh Satu (1) Tahun [Kantin Bahagian Blok 'A']

Harga Sewa Kantin:
BND708.00 Sebulan

Bayaran Yuran Sebut Harga:
BND5.00

Tarikh Tutup / Waktu:
Sabtu,
5 Disember 2026
Jam 9.00 Pagi

Syarat Khas
Dibukakan Khas Bagi Warganegara Dan Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam, Pemilik Syarikat / Premis Syarikat Hendaklah Beralamat (Mengikut Sijil Perniagaan 16/17) Di Tempat Kantin Berkenaan Bertapak. Sebagai Contoh, Hanya Pemilik Syarikat / Premis Syarikat Yang Beralamat Di Daerah Brunei Muara Yang Dapat Dipertimbangkan Untuk Mengendalikan Kantin Di Sekolah-Sekolah Yang Bertapak Di Daerah Brunei Muara.

JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam

Kelas:
III dan IV Sahaja

Kategori:
KA01, E03 & P05 Sahaja

Tarikh Tutup:
Selasa,
15 Disember 2026
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DWS / 032 / 2026

Nama Projek:
Pemasangan Variable Speed Drive Untuk Stesen Booster Gadong

Yuran Tawaran:
BND500.00
(Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-

Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Di Dalam

Kelas:
III dan IV sahaja

Kategori:
B01

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSBM026 / 2026

Bil. Projek:
2026DBSBM / JKR.08

Nama Projek:
Kerja-kerja Penggantian Bumbung dan Pembaikan Aluminium Composite Cladding Bangunan Utama Jabatan Perkhidmatan Bangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama (Retender)

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
8 Disember 2026
Tidak lewat jam 2.00 Petang

Yuran Tawaran:
BND50.00
(Tidak Dikembalikan)

Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam

Kelas:
VI Sahaja

Kategori:
KA01 & M03

Tarikh Tutup:
Selasa,
15 Disember 2026
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSKB / 032 / 2026

Nama Projek:
Menaiktaraf Loji Rawatan Air Dan Penyambungan Air Utama Bagi Ke Semua Daerah - Loji Rawatan Air Seria Dan Stesen Pengambilan Air Mentah Badas Peringkat 4, Daerah Belait.

No. Projek:
DWS1219-007 / ADBT-02

Yuran Tawaran:
BND1,000.00
(Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-

JABATAN PENERANGAN JABATAN PERDANA MENTERI

Kenyataan Tawaran

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:

(135) INFO / PK / K / 7 (2026 - 2027)
Supply, Installation, Testing And Commissioning With All Necessary Wiring Work Of New Buzzer For VSP Compartment At Bangunan Tambahan, Jabatan Penerangan.

Yuran:
Tidak Dikenakan Bayaran

Tarikh Tutup:
Khamis,
19 November 2026
Jam 8.00 Pagi

JABATAN PENGAJIAN ISLAM KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
KHEU / JPI / JKS / 08 / 2026-2027 Membekal, Menghantar, Memasang Dan Menguji Mesin Reso Bagi Keperluan Unit-Unit Peperiksaan, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Tahun 1448H-1449H / 2026M-2027M

Bayaran Yuran Sebut Harga:
BND10.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu,
15 Jamadilakhir 1448 H /
25 November 2026M,
Tidak lewat
jam 2.00 Petang.

JABATAN DAERAH TUTONG KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
JDT / KPD / 07 / 2026-2027
Repair And Repainting Works For Mitsubishi Pickup BG4825

Yuran Tawaran:
BND5.00

Tarikh Tutup Tawaran:
Isnin, 23 November 2026
Jam 2.00 Petang

KEMENTERIAN PENDIDIKAN

Sebut Harga Membekal Dan Menghantar Toner / Cartridge Printer

DA / JKSH / 147 / 2026 / 2027 [UPP-NOV-2026]
Sebut Harga Bagi Membekal Dan Menghantar Toner / Cartridge Printer Bagi Kegunaan Di Bawah Kawalan Jabatan Pentadbiran Dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan.

Bayaran Yuran Sebut Harga:
BND5.00

Tarikh Tutup / Waktu:
Sabtu,
5 Disember 2026
Jam 9.00 Pagi

Sebut Harga Membekal Dan Menghantar Kertas

DA / JKSH / 148 / 2026 / 2027 [UPP-NOV-2026]
Sebut Harga Bagi Membekal Dan Menghantar Kertas Bagi Kegunaan Unit / Bahagian Di Bawah Kawalan Jabatan Pentadbiran Dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan.

Bayaran Yuran Sebut Harga:
BND5.00

Tarikh Tutup / Waktu:
Sabtu,
5 Disember 2026
Jam 9.00 Pagi

JABATAN BANDARAN BANDAR SERI BEGAWAN KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

Bilangan Rujukan:
JBBSB / SH / 2026 – 2027 / 30 / SOBPP / 04

Tajuk Sebut Harga:
Sebut Harga Bagi Pembelian Dan Penghantaran Barang Dan Peralatan "Surface Cleaner" Serta "High Pressure Cleaner"

Hari, Tarikh Dan Jam Tutup:
Khamis,
19 November 2026
Jam 2.00 Petang

Bilangan Rujukan:
JBBSB / SH / 2026 – 2027 / 26 / SPA / 16

Tajuk Sebut Harga:
Cleaning, Repairing, Hoarding And Installing Lighting At Multi-Storey Car Park, Bandar Seri Begawan

Hari, Tarikh Dan Jam Tutup:
Khamis,
19 November 2026
Jam 2.00 Petang

JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam

Kelas:
III & IV Sahaja

Kategori:
M03 Sahaja

Tarikh Tutup:
Selasa,
15 Disember 2026
Tidak Lewat Dari
Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DWS / 033 / 2026

Nama Projek:
Membekal Empat (4) Unit 'Water Tanker' Untuk Jabatan Perkhidmatan Air, Jabatan Kerja Raya

Yuran Tawaran:
BND100.00
(Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-

JABATAN KAJICUACA KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI

Bilangan Sebut Harga:
JKBD / 2026 / SH-18

Sebut Harga bagi Perkhidmatan / Pembekalan:
The Supply, Delivery, Installation, Configuration And Testing Of A CCTV Surveillance System At The Headquarter Of The Brunei Darussalam Meteorological Department

Hari / Tarikh / Waktu Tutup:
Rabu,
2 Disember 2026

Sebelum jam 9.00 Pagi

Kepada;
Pengerusi
Jawatankuasa Sebut Harga
Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam
Tingkat 1, Blok B23,
Flat Anggerek Desa,
Simpang 32-37,
Kampong Anggerek Desa,
Mukim Berakas, BB3713
Negara Brunei Darussalam

KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

Pusat Pembangunan Belia
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
Negara Brunei Darussalam

Bilangan Sebut Harga:
11 / 2026 / KKBS / PPB / 13

Tajuk Sebut Harga:
Kontrak Penggal (24) Bulan Bagi Pembekalan Dan Penghantaran Ink Cartridge & Toner Di Pusat Pembangunan Belia, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Jalan Utama Tanah Jambu, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Tutup:
Khamis,
19 November 2026

JABATAN BANDARAN KUALA BELAIT DAN SERIA KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

Keterangan Projek:
1. Membekal Perabot-Perabot Pejabat
2. Membekal Kabinet-Kabinet Fail
3. Membekal Peralatan-Peralatan Pejabat Iaitu A3 Laminate Machine Dan Heavy Duty Paper Shredder

Yuran Tawaran:
BND5.00 (***Non-Refundable***)

Bilangan Tawaran:
a) 9.1 / BBS / SH / BPL / PP / 2026 - 2027
b) 12.1 / BBS / SH / BPL / PP / 2026 - 2027
c) 14.1 / BBS / SH / BPL / PP / 2026 – 2027

Tarikh Tutup:
Selasa,
1 Disember 2026

JABATAN PERBENDAHARAAN KEMENTERIAN KEWANGAN

Pemberitahuan Sebut Harga

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
JPKK / JKSH2627-QTN.11 / FSS
Membekalkan Perabot Pejabat Untuk Kegunaan Kementerian-Kementerian Dan Jabatan-Jabatan Kerajaan

Tarikh Tutup / Jam:
Sabtu,
28 November 2026
Jam 9.00 Pagi

Tempat Menghantar Tawaran:
Peti Sebut Harga,
Jabatan Perbendaharaan
Tingkat 2, Tower Block
Bangunan Kementerian Kewangan
Commonwealth Drive,
Jalan Kebangsaan
Negara Brunei Darussalam

KEMENTERIAN PERTAHANAN

Rujukan Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2026 / NAU / AF / TA / 1001
Pembelian Padlock, Rantai Besi Dan Peti Kunci Bagi Kegunaan Unit-Unit Di Bawah Tentera Udara Diraja Brunei.

Yuran Tawaran:
BND 10.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah satu (1) minggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu
Selasa, 8 Disember 2026.

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
15 Disember 2026
Jam 2.00 Petang

KEMENTERIAN PERTAHANAN

Rujukan Bilangan dan Tajuk Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2026 / NAU / IL / TA / 1003
Pembelian Baru, Penggantian Dan Tambahan Perabot-Perabot Bagi Kegunaan Unit Kuartermaster Institut Latihan ABDB, Pejabat Perumahan Penanjong Garison, Kompeni Rekrut Institut Latihan ABDB, Sekolah Pertukangan Tangan Tentera Institut Latihan ABDB Dan Pejabat Kawalan Padang Tembak Institut Latihan ABDB. Penanjong Garison

Yuran Tawaran:
BND10.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah satu minggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu **Selasa, 24 November 2026.**

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
1 Disember 2026,
Jam 2.00 Petang

Rujukan Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2026 / NAU / LE / TA / 2003
Pembaikan Kenderaan Jenis IVECO Eurocargo Truck Kepunyaan Unit-Unit ABDB

Rujukan Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2026 / NAU / LE / TA / 1004
Pembelian Alat Ganti Kenderaan Jenis Handalan Kepunyaan Unit-Unit ABDB

Rujukan Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2026 / NAU / LE / TA / 2006
Pembaikan Kenderaan Jenis Mechanical Handling Equipment (MHE) Kepunyaan Unit-Unit ABDB

Rujukan Bilangan dan Tajuk Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2026 / NAU / IL / TA / 1004
Pembelian Alat Perabot Untuk Kegunaan Pusat Evolusi, Institut Latihan ABDB, Penanjong Garison

Yuran Tawaran:
BND10.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah satu minggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu **Selasa, 1 Disember 2026.**

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
8 Disember 2026,
Jam 2.00 Petang

KEMENTERIAN KESIHATAN

1. Bilangan Tawaran:
KK / 257 / 2026 / HTD (TC)

Keterangan:
The Provision Of Leasing New A4 Monochrome Laser Printer Inclusive Of Toners With Comprehensive Maintenance And On-Site Support Services For Ministry Of Health For A Period Of Five (5) Years

Yuran Tawaran:
BND 100.00

2. Bilangan Tawaran:
KK / 258 / 2026 / HTD

Keterangan:
One-Off Comprehensive Maintenance Services Inclusive Of Spareparts And Accessories For A Period Of Six (6) Months For DWA Water Treatment Plant In Kuala Belait Dialysis Centre

Yuran Tawaran:
BND10.00

3. Bilangan Tawaran:
KK / 259 / 2026 / PPN (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Dynamic - Frequency Dental Scaler Handpiece For Department Of Dental Services, Ministry Of Health For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

4. Bilangan Tawaran:
KK / 261 / 2026 / JPKAS (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medical Consumable (Sterile Water Sampling Bottle With Sodium Thiosulphate) For Environmental Health Division, Department Of Environmental Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Tarikh Tutup Tawaran:
24 November 2026
Tidak lewat jam 2.00 Petang

KEMENTERIAN KEWANGAN

Pemberitahuan Sebut Harga

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
MOFE / UPAH / Q / 2026-3
Kerja-Kerja Pembekalan Dan Pemasangan "Dual Sided Card Printers And Equipments" Bagi Bangunan Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, Negara Brunei Darussalam.

Yuran Tawaran / Dokumen:
Percuma

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Sabtu,
21 November 2026
Jam 2.00 Petang

JABATAN PENERBANGAN AWAM KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
TERMINAL / 2026-2027 / SH-10
The Provision Of Six (6) Months Maintenance Services And Supports For TOA SX-2000 Series Public Address System At Brunei International Airport, Department Of Civil Aviation

Tarikh Iklan / Mengambil Dokumen Sebut Harga:
Rabu,
11 November 2026

Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Sebut Harga:
Selasa,
24 November 2026

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu,
25 November 2026
Tidak Lewat Jam 2.00 Petang

Kepada:
Pengerusi
Jawatankuasa Sebut Harga d/a Aras Bawah,
Bangunan Ibu Pejabat
Jabatan Penerbangan Awam
Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi
Bandar Seri Begawan BB2513
Negara Brunei Darussalam

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
ANS / 2026 / SH-07 (R)
Renovation Work For Air Traffic Service Centre, General Office, Department Of Civil Aviation

Tarikh Iklan / Mengambil Dokumen Sebut Harga:
Rabu,
11 November 2026

Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Sebut Harga:
Selasa,
24 November 2026

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu,
25 November 2026
Tidak lewat jam 2.00 Petang

Kepada:
Pengerusi
Jawatankuasa Sebut Harga d/a Aras Bawah,
Bangunan Ibu Pejabat
Jabatan Penerbangan Awam
Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi
Bandar Seri Begawan BB2513
Negara Brunei Darussalam

KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

Pusat Pembangunan Belia
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
Negara Brunei Darussalam

Kenyataan Tawaran

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga :
11 / 2026 / KKBS / PPB / 13
Kontrak Penggal 24 Bulan Bagi Pembekalan Dan Penghantaran Ink Cartridge & Toner Di Pusat Pembangunan Belia, Kementerian Kebudayaan, Belia Dan Sukan, Jalan Utama Tanah Jambu, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Tutup:
Khamis,
19 November 2026

JABATAN DAERAH TUTONG KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
JDT / KPD / 08 / 2026-2027
Renovation, Upgrading And Repainting Works To Balai Raya Kampung Merimbun Tutong

Yuran Tawaran:
BND5.00

Tarikh Tutup Tawaran:
Isnin,
23 November 2026
Jam 2.00 Petang

KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI

Makluman Pemberitahuan Sebut Harga

Sebut Harga dibukakan Syarikat-Syarikat dan Pemborong-Pemborong yang berdaftar dengan agensi-agensi kerajaan di dalam kelas II, III dan ke atas serta mempunyai kategori kerja dalam pembekalan dan perkhidmatan.

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
18 / MFA-ICC-Q / 2026-27
Term Contract Repair Works For International Convention Centre, Berakas, Ministry Of Foreign Affairs, Negara Brunei Darussalam For A Period Of Six (6) Months - FSOR

Bayaran Yuran Dokumen:
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu,
25 November 2026
Jam 2.00 Petang

MEMACU TRANSFORMASI PERKHIDMATAN AWAM ASEAN MELALUI KERJASAMA STRATEGIK

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



SETIAUSAHA Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam), Jabatan Perdana Menteri, selaku Ketua ACCSM bagi Negara Brunei Darussalam hadir selaku tetamu kehormat serta merasmikan majlis berkenaan.

JERUDONG, Isnin, 16 November. - Majlis Penutup Mesyuarat Ketua - ketua Rangkaian Latihan Perkhidmatan Awam ASEAN (Meeting of The Heads Leader ASEAN Network Public Service Trainning - ACCSM) diadakan petang tadi di Royal Berkshire Hall, Royal Brunei Polo and Riding Club, Jerudong, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya merasmikan majlis tersebut ialah Setiausaha Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam), Jabatan Perdana Menteri (JPM), Pengiran Haji Raffizanna bin Pengiran Haji Razali, selaku Ketua ACCSM bagi Negara Brunei Darussalam (NBD).

Antara acara kemuncak pada majlis penutup tersebut ialah pelancaran rasmi logo baharu Rangkaian ASEAN PSTI serta pengiktirafan terhadap reka bentuk yang terpilih, yang mewujudkan identiti visual bagi gabungan berkenaan.

Sebagai tanda berakhirnya tempoh pengerusi yang berjaya oleh NBD, tanggungjawab sebagai pengerusi Rangkaian ASEAN PSTI telah diserahkan secara rasmi kepada Kemboja, yang diwakili oleh Royal School of Administration (RSA) bagi penggal 2027-2028, disusuli dengan ucapan sulung daripada pihak yang mengambil alih jawatan pengerusi tersebut.

Program selama dua hari itu melabuhkan tirainya pada 17 November dengan satu lawatan pembelajaran pengalaman ke Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB).

Mesyuarat peringkat tinggi ini dihadiri oleh delegasi luas yang terdiri daripada pemimpin dan pegawai perkhidmatan awam serantau. Negara tuan rumah, NBD, diwakili oleh Setiausaha Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam), JPM; Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Dr. Awang Norfarizal bin Othman; dan Pengarah Institut Perkhidmatan Awam, Dr. Hajah Noor Maya binti Haji Md. Salleh.

Delegasi dari Kemboja, selaku penganjur seterusnya, diketuai oleh Presiden Royal School of Administration (RSA), Tuan Yang Terutama Youk Bunna, bersama Naib Presiden Sung Vintik; Ketua Sekretariat, Ramo Nuch; Ketua Pejabat Hul Lina, dan Setiausaha SAO Polina.

Mewakili Republik Indonesia ialah Ketua Pusat Pembangunan Sumber Manusia (HRDC) Johana Nunik Widianti, dan Abdul Aziz Luthfi dari HRDC, bersama Pengarah Direktorat Jaminan Kualiti Pembelajaran, Dr. Meita Ahadiyati Kartikaningsih, serta Dr. Army Winarni dari Institut Pentadbiran Awam Kebangsaan (LAN RI).

Malaysia pula diwakili oleh Pengarah Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), Datuk Dr. Mohd. Zabri bin Yusoff dan Kamarul Hafidzan bin Kamaruddin.

Mewakili Republik Kesatuan Myanmar ialah Ketua Jabatan di Akademi Perkhidmatan Awam (Myanmar Hulu), Ye Thet Khaing, di bawah Lembaga Perkhidmatan Awam Kesatuan (Union Civil Service Board).

Sementara itu, Republik Singapura diwakili oleh Timbalan Pengarah, Kelvin Chai, dan Pengurus Kanan, dari Civil Service College (CSC) International, Kong Wei Jia. Delegasi Thailand terdiri daripada Pengarah Pusat Kerjasama Strategik dan Antarabangsa, Natthika Nawanno, serta Encik Channarong Sangayuth dari Institut Latihan Perkhidmatan Awam (OCSC).

Seterusnya, Republik Demokratik Timor-Leste diwakili oleh Pengarah Kebangsaan bagi Perancangan Tenaga Kerja Perkhidmatan Awam, Fransisco da Costa Pereira, dan Ketua Kabinet Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Timor-Leste, Rosvita Calapez Pires.

Delegasi Republik Sosialis Viet Nam daripada Akademi Pentadbiran Awam dan Tadbir Urus (APAG) diketuai oleh Naib Presidennya, Dr. Bui Phuong Dinh selaku Ketua Delegasi, bersama-sama dengan Dr. Nguyen Manh Cuong, Dr. Bui Thi Thanh Thuy, Dr. Nguyen Van Dung, dan Nguyen Thi Thanh Tu.

Bagi Sekretariat ASEAN pula diwakili oleh Pegawai Kanannya, Madyah Rahmi Lukri; dan Pegawai dari Bahagian Buruh dan Perkhidmatan Awam, Shinta Kusumawardani.

Disahkan oleh Mesyuarat Ketua-Ketua Perkhidmatan Awam dalam ACCSM Ke-19 di Republik Singapura pada 25 Oktober 2018, Rangkaian ASEAN PSTI telah ditubuhkan untuk menggalakkan kerjasama dan pertukaran antara institut latihan perkhidmatan awam dalam bidang pembelajaran serta pembangunan tenaga kerja, sekali gus menyokong transformasi pentadbiran awam di seluruh Asia Tenggara.

Peranan sebagai penyelaras (*convenor*) bagi Rangkaian ASEAN PSTI lazimnya digilirkan dalam kalangan Negara Anggota ASEAN mengikut urutan abjad bagi tempoh dua tahun; Republik Singapura telah memegang peranan sebagai Penyelaras bagi tempoh 2019-2020, diikuti oleh Thailand bagi 2021-2022, Republik Sosialis Viet Nam bagi 2023-2024, dan NBD bagi 2025-2026, manakala Kemboja akan menggalas peranan tersebut bagi tempoh 2027-2028.

Pembukaan Second Echelon Brunei-Singapore CSEP Ke-24

Oleh : Aimi Sani
Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

TUNGKU, Isnin, 16 November. - Second Echelon Brunei-Singapore Civil Service Exchange Programme (CSEP) Kali Ke-24 secara rasminya telah bermula hari ini dengan berlangsungnya Majlis Pembukaan di Dewan Ittisal, Institut Perkhidmatan Awam (IPA), Rimba, Gadong.

Majlis yang telah disempurnakan oleh tetamu kehormat, Setiausaha Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam), Jabatan Perdana Menteri (JPM), Pengiran Raffizanna bin Pengiran Haji Razali mengalu-alukan kehadiran seramai 22 pegawai kanan daripada Perkhidmatan Awam Singapura dan Negara Brunei Darussalam (NBD).

Delegasi kedua-dua buah negara masing-masing diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif, Sport Singapore, Alan Goh dan Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Dayang Hajah Noridah binti Abdul Hamid.

Terdahulu, Pengiran Haji Raffizanna dalam ucapannya menyatakan bahawa antara kelebihan hubungan kerjasama yang telah terjalin sekian lama ialah peluang untuk saling mempelajari bukan sahaja daripada kejayaan masing-masing, malah daripada pengalaman serta pertimbangan berbeza yang telah membentuk pendekatan setiap pihak.

"Melalui pertukaran pengalaman dan pandangan tersebut, kita dapat memahami dengan lebih mendalam pendekatan yang diambil oleh negara masing-masing, pertimbangan di sebaliknya serta pengajaran yang diperoleh sepanjang perjalanan tersebut.

"Perbezaan perspektif ini juga mampu memberikan pandangan baharu terhadap cabaran yang sering dihadapi, di samping membuka ruang untuk kita menilai dan mempertingkatkan lagi amalan serta pendekatan yang dilaksanakan," ujar beliau.

Sepanjang tempoh empat hari akan datang, tambahnya, program ini akan menyediakan peluang untuk bertukar-tukar pandangan mengenai beberapa bidang pembangunan negara dan pentadbiran awam.

Ini termasuk pembangunan negara yang inklusif dan berdaya tahan, berpandukan aspirasi NBD di bawah Wawasan Brunei 2035; kepelbagaian ekonomi dan kemampanan, termasuk penerapan Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) dalam keutamaan negara serta transformasi digital khususnya peranan teknologi, data dan Kecerdasan Buatan (AI) dalam meningkatkan penyampaian Perkhidmatan Awam.

Walaupun bidang-bidang ini terang beliau lagi, merangkumi aspek pembangunan negara yang berbeza, namun kesemuanya saling berkait rapat dengan satu matlamat yang sama iaitu memperkukuh tadbir urus serta meningkatkan hasil dan mutu perkhidmatan demi kesejahteraan rakyat yang kita berkhidmat untuknya.

Pengiran Haji Raffizanna seterusnya melahirkan harapan, agar sesi-sesi yang diadakan akan menjadi titik permulaan yang bermanfaat bagi perbincangan, di samping memberi ruang kepada kedua-dua delegasi untuk berkongsi pengalaman, bertukar - tukar pandangan mengenai pendekatan yang telah dilaksanakan serta meneliti pengajaran yang boleh dibawa pulang dan dimanfaatkan oleh organisasi masing-masing.



SETIAUSAHA Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam), Jabatan Perdana Menteri hadir selaku tetamu kehormat bergambar ramai pada Majlis Pembukaan Second Echelon Brunei-Singapore Civil Service Exchange Programme Kali Ke-24.

Pada tahun ini, program tersebut dianjurkan oleh IPA, NBD selama empat hari bermula 16 hingga 19 November 2026. Berteraskan tema 'Charting Our Future Together' program ini memberikan tumpuan kepada beberapa teras strategik utama, termasuk kepelbagaian ekonomi, transformasi digital, penyelarasan dasar SDGs serta pembinaan masyarakat yang inklusif dan berdaya tahan.

Sepanjang empat hari program berlangsung, para delegasi akan mengikuti pelbagai pengisian yang komprehensif merangkumi taklimat strategik dan sesi perbincangan bersama agensi-agensi berkaitan, termasuk daripada JPM, Kementerian Kewangan, Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri (KEPI), KKBS, Autoriti Industri Teknologi Infokomunikasi Brunei Darussalam (AITI) serta Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB).

Dianjurkan secara bersama oleh IPA, NBD dan Civil Service College (CSC), Republik Singapura, CSEP telah dilaksanakan pada setiap tahun sejak mula diperkenalkan pada tahun 2002. Program ini terus menjadi platform dua hala yang penting bagi pemimpin Second Echelon untuk memperkukuh jaringan profesional, berkongsi pandangan dan pengalaman berkaitan tadbir urus serta mempererat hubungan kerjasama yang sedia terjalin antara NBD dan Republik Singapura.

Pada tahun hadapan, CSC, Republik Singapura akan menjadi tuan rumah bagi penganjuran CSEP Kali Ke-25 yang akan berlangsung di Republik Singapura.

MENINGKATKAN KEFAHAMAN MASYARAKAT TERHADAP ISU SEMASA, DASAR KERAJAAN



PROGRAM berkenaan merupakan salah satu inisiatif komunikasi bersemuka Jabatan Penerangan yang bertujuan memperkukuh hubungan dua hala antara kerajaan dengan rakyat, di samping menyebarluaskan maklumat dan melaksanakan program hubungan masyarakat demi menyumbang kepada perkembangan serta kemajuan mukim dan kampung (atas dan bawah).

Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

MENTIRI, Selasa, 17 November. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Hubungan Masyarakat, Seksyen Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Bahagian Komunikasi Strategik telah mengadakan Program Sua Muka (Personal Contact) bersama Pemangku Ketua Kampung Kawasan 1, Ketua Kampung Kawasan 3 dan Pemangku Ketua Kampung Kawasan 5, Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Panchor Mengkubau, hari ini.

Program yang berlangsung di Bilik Kuliah, Masjid Hassanal Bolkiah, Mentiri itu bertujuan menyampaikan maklumat mengenai isu-isu semasa dan dasar kerajaan, di samping mendapatkan maklum balas serta pandangan penduduk yang memerlukan perhatian dan tindakan daripada agensi-agensi kerajaan yang berkenaan.

Hadir mengetuai rombongan Jabatan Penerangan, Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Awang Haji Fathi Foad bin Dato Seri Setia Haji Abu Bakar.

Turut hadir, Ketua Kampung Kawasan 3 RPN Kampung Panchor, Mengkubau, Awang Mohammad Hilmy bin Haji Ahmad; Pemangku Ketua Kampung Kawasan 1 RPN Kampung Panchor, Mengkubau, Awang Zulkhari bin Haji Junaidi; dan Pemangku Ketua Kampung Kawasan 5 RPN Kampung Panchor, Mengkubau, Awang Haji Hairul Azri bin Haji Salamat.

Dalam mukadimahnya, ketua rombongan menekankan peranan Jabatan Penerangan sebagai lidah, mata dan telinga kerajaan dalam menyampaikan maklumat terkini, dasar-dasar kerajaan serta isu-isu semasa kepada masyarakat melalui pelbagai saluran, termasuk Program Sua Muka dan penerbitan akhbar rasmi Pelita Brunei.

Beliau turut menjelaskan bahawa Program Sua Muka merupakan salah satu inisiatif komunikasi bersemuka Jabatan Penerangan yang bertujuan memperkukuh hubungan dua hala antara kerajaan dengan rakyat, di samping menyebarluaskan maklumat dan melaksanakan program hubungan masyarakat demi menyumbang kepada perkembangan serta kemajuan mukim dan kampung.

Sementara itu, dalam ucapan balasnya, Awang Mohammad Hilmy selaku wakil ketua-ketua kampung menyatakan bahawa program berkenaan merupakan satu wadah penting dalam membantu mencari jalan penyelesaian terhadap permasalahan yang dihadapi oleh penduduk kampung dan negara.

Beliau juga berharap agar program seumpama itu akan terus menjadi rujukan serta penghubung antara penduduk kampung dengan agensi-agensi kerajaan yang berkaitan.

Program berkenaan turut diisikan dengan penyampaian maklumat dan pesanan awam kepada penduduk-penduduk kampung dari Biro Kawalan Narkotik (BKN) mengenai bahaya sindiket pengedaran dadah.

Selain itu, sesi dialog bersama penduduk kampung turut diadakan bagi membincangkan beberapa isu yang dibangkitkan, antaranya berkaitan prasarana, keselamatan dan kemudahan awam.

Melalui program seumpama berkenaan, hubungan komunikasi dan kerjasama antara pihak kerajaan dengan masyarakat diharap akan terus diperkukuh, sekali gus memastikan isu serta keperluan penduduk dapat disampaikan kepada pihak berkenaan untuk perhatian dan tindakan selanjutnya.



Kenali Bahasa Brunei

pangacut bermaksud sesuatu seperti rotan dan sebagainya yang digunakan untuk mengambat. Contoh pemakaian kata : *daulu, tali pinggang bapa atutah jadi pangacut babu kan kadikami.*

pangagaan / pangagahan bermaksud sering mendatangi atau menghadiri majlis apabila diundang. Contoh pemakaian kata : *bisai bisdia dua laki bini atu, pangagaan mun dilagau.*

SUMBER : DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

Selera KAMPUNG Kitani



Foto : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland

Udang Galah Masak Lengkuas

Kampung Belais dan Buda-Buda, Temburong

BAHAN-BAHAN :
1kg udang galah (digoreng)
5 ulas bawang merah
5 ulas bawang putih
2 inci halia (dikisar)
2 inci lengkuas (dikisar)
2 inci kunyit (dikisar)
5 biji buah keras (dikisar)
3 biji lada merah besar (dikisar)
3 batang serai
Asam kulit
Daun kunyit (dihiris halus)
Santan
Secukup rasa

CARA MEMASAKNYA :

Tumiskan bahan-bahan yang dikisar sehingga naik bau. Masukkan serai, asam kulit, secukup rasa seterusnya masukkan udang galah dan sedikit air kemudian masukkan santan. Apabila sudah masak masukkan daun kunyit yang dihiris halus gaul rata, siap untuk dihidang.

Bagaimana Tuntutan Syara' Dalam Mengusung Jenazah?



KELUARAN PERTAMA

(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

MENGURUS jenazah adalah salah satu tuntutan fardhu kifayah ke atas umat Islam. Selain daripada memandikan, mengapankan, dan menyembahyangkan, mengusung dan membawa jenazah ke tanah perkuburan juga merupakan kewajipan fardhu kifayah ke atas umat Islam. Para ulama tidak berselisih pandangan mengenai perkara ini. Fardhu kifayah ialah suatu tuntutan atau kewajipan yang ditetapkan oleh syara' ke atas orang-orang *mukallaf*. Apabila sebahagian orang *mukallaf* tersebut melaksanakannya, maka tuntutan atau kewajipan tersebut gugur daripada mereka. Oleh yang demikian, jika ada sebahagian orang Islam mengambil peranan mengusung jenazah, maka gugur tuntutan tersebut daripada yang lain.

Bersegera dan ikut serta mengambil peranan dalam melakukan perkara-perkara yang disebutkan di atas pula termasuk dalam perkara berlumba-lumba melakukan amal kebajikan sebagaimana firman Allah Ta'ala :

Tafsirnya : *Maka berlumba-lumbalah kamu untuk mengerjakan kebaikan.*

(Surah al-Baqarah : 148)

Sesiapa yang terlibat dalam mengusung jenazah dengan niat mengharapkan pahala di sisi Allah Ta'ala, maka dia memperolehi ganjaran berdasarkan keumuman firman Allah Ta'ala :

Tafsirnya : *Maka sesiapa yang mengerjakan kebaikan sekalipun seberat zarrah, nescaya dia akan melihat (ganjaran)nya.*

(Surah az-Zalzalah : 7)

Sebahagian masyarakat mungkin ada yang masih kurang memahami tentang tuntutan dan anjuran syara' dalam perkara mengusung jenazah. Sebahagian orang ikut mengusung jenazah dengan hanya menghulurkan tangan untuk menanai usungan, dan sebahagiannya pula hanya dengan menyentuh usungan. Perkara sedemikian biasa kita lihat ketika mengusung jenazah dari tempat sembahyang jenazah ke kereta jenazah, dan dari kereta jenazah ke tanah perkuburan. Persoalannya, adakah cara sedemikian menepati tuntutan syara' dalam mengusung jenazah?

Menurut syara', urusan mengusung jenazah dituntut ke atas golongan lelaki sahaja, sama ada jenazah yang diusung itu lelaki atau perempuan. Perempuan tidak dituntut melakukannya malah hukumnya adalah makruh kerana faktor fizikalnya yang lemah, dan ditakuti aurat mereka akan terdedah ketika melakukannya. Walau bagaimanapun, menurut Imam ar-Ramli *Rahimahullah* dalam kitabnya Nihayah al-Muhtaj, dalam keadaan ketiadaan lelaki yang melaksanakan tugas mengusung jenazah, maka kewajipan mengusung jenazah berpindah kepada perempuan. Dalam kitab al-Bayan fi Madzhab al-Imam asy-Syafi'i disebut bahawa menurut ash-Shaydalaniy *Rahimahullah*, urusan mengangkat jenazah wanita dari tempat memandikannya dan memindahkannya ke usungan juga harus dilakukan oleh kaum wanita kerana mereka ada kemampuan melakukan perkara tersebut. Manakala menurut Kitab al-Majmu', disunatkan ke atas wanita mengangkat jenazah perempuan dari tempat memandikannya dan memindahkannya ke usungan.

Imam asy-Syafi'i *Rahimahullah* dan para al-Ashhab (ulama asy-Syafi'iyyah yang dahulu yang terkemuka) *Rahimahumullah* menyatakan bahawa jenazah itu diusung dengan meletakkannya di atas papan, usungan jenazah atau yang seumpamanya.

Dalam menjaga penghormatan terhadap si mati, haram hukumnya mengangkat atau mengusung jenazah dengan keadaan atau cara yang tidak layak atau yang menghina kehormatan jenazah. Begitu juga, haram mengangkat atau mengusung jenazah dengan cara yang ditakuti boleh menyebabkan jenazah terjatuh, sama ada kerana cara pengusungan yang tidak betul atau disebabkan oleh alat yang digunakan.

Demikian juga, haram mengusung jenazah dengan tangan sahaja jika masih terdapat alat yang boleh digunakan untuk mengusungnya. Namun, diharuskan membawa jenazah kanak-kanak dengan mengangkatnya menggunakan kedua-dua belah tangan sahaja.

Jika ditakuti jenazah akan berubah (rosak) atau pecah kerana menunggu alat untuk mengusungnya dipersiapkan, maka tidak mengapa, malah wajib, mengusung jenazah dengan cara mengangkat menggunakan tangan sahaja tanpa alat usungan, dan diletakkan jenazah di atas tengkuk para pengusung kemudian memegang jenazah dengan tangan-tangan mereka untuk memastikan kestabilan kedudukan jenazah dan mengelak daripada terjatuh, sehinggalah sampai ke tanah perkuburan.

Terdapat dua cara utama dalam mengusung jenazah, iaitu *at-tarbi'* dan *baina al-'amudain*. Menurut Imam asy-Syafi'i dan para al-Ashhab *Rahimahumullah*, kedua-dua cara ini hukumnya adalah harus tanpa ada perselisihan di kalangan ulama. Kedua-dua cara mengusung tersebut merupakan cara yang diamalkan oleh para sahabat dan tabiin *Radhiallahu 'anhum*.

Kitab Sabil al-Muhtadin li at-Tafaqquh Fi Amr ad-Din, karangan Muhammad Arsyad al-Banjari *Rahimahullah*, memberi gambaran bentuk fizikal usungan *at-tarbi'* sebagai rangka berbentuk segi empat tepat. Ia terdiri daripada dua batang kayu panjang di kiri dan kanan yang menjadi rangka utama, serta terdapat dua batang kayu melintang di bahagian hadapan dan belakang. Kayu melintang ini berfungsi untuk mengikat kayu utama di kiri dan kanan, serta mengukuhkan rangka utama tersebut.

Manakala dari segi bilangan pengusung, Imam an-Nawawi *Rahimahullah* dalam kitabnya al-Majmu' menyatakan bahawa pengusung jenazah sekurang-kurangnya terdiri daripada empat orang lelaki. Dua orang berada di hadapan dan dua orang berada di belakang, masing-masing memikul di penjuru kayu pengusung. Bagi dua orang di bahagian hadapan, orang yang berada di sebelah kanan memikul batang kayu di atas bahu kirinya, manakala orang yang berada di sebelah kiri memikul batang kayu di atas bahu kanannya. Begitu juga, dua orang di bahagian belakang, orang yang berada di sebelah kanan, memikul batang kayu di atas bahu kirinya, manakala orang yang berada di sebelah kiri, memikul batang kayu di atas bahu kanannya.

Jika empat orang yang sedang mengusung itu tidak berdaya menanggung beban usungan, maka ditambah bilangan pengusung mengikut hajat keperluan. Bilangan pengusung tambahan yang dianjurkan ialah dengan bilangan genap seperti menambah dua orang, lalu menjadikan jumlah keseluruhan pengusung enam orang, atau menambah sehingga menjadi lapan orang dan seterusnya. Apabila bilangan pengusung ditambah melebihi daripada empat pengusung asal, cara memikul tetap sama, iaitu memikul dari sisi luar kedua-dua batang kayu. Orang di sebelah kanan memikul kayu di atas bahu kirinya, manakala orang di sebelah kiri memikul kayu di atas bahu kanannya. Jika ada keperluan untuk menambah bilangan pengusung seperti disebabkan beban yang masih berat, maka ditambah batang-batang kayu secara melintangdi bawah usungan jenazah untuk membolehkah lebih ramai pengusung terlibat dalam mengusung jenazah tersebut.

DALAM menjaga penghormatan terhadap si mati, haram hukumnya mengangkat atau mengusung jenazah dengan keadaan atau cara yang tidak layak atau yang menghina kehormatan jenazah. Begitu juga, haram mengangkat atau mengusung jenazah dengan cara yang ditakuti boleh menyebabkan jenazah terjatuh, sama ada kerana cara pengusungan yang tidak betul atau disebabkan oleh alat yang digunakan.
Demikian juga, haram mengusung jenazah dengan tangan sahaja jika masih terdapat alat yang boleh digunakan untuk mengusungnya. Namun, diharuskan membawa jenazah kanak-kanak dengan mengangkatnya menggunakan kedua-dua belah tangan sahaja.
Jika ditakuti jenazah akan berubah (rosak) atau pecah kerana menunggu alat untuk mengusungnya dipersiapkan, maka tidak mengapa, malah wajib, mengusung jenazah dengan cara mengangkat menggunakan tangan sahaja tanpa alat usungan, dan diletakkan jenazah di atas tengkuk para pengusung kemudian memegang jenazah dengan tangan-tangan mereka untuk memastikan kestabilan kedudukan jenazah dan mengelak daripada terjatuh, sehinggalah sampai ke tanah perkuburan.

منوجو كريضاءن الله
MENUJU KEREDAAN ALLAH
كلولأن ڤوسة دعوه اسلاميه

Hargai rezeki, hindari pembaziran

DALAM kehidupan yang semakin moden, kita sering disajikan dengan pelbagai pilihan barangan, perkhidmatan dan promosi yang menarik. Kemudahan membeli-belah secara dalam talian, tawaran potongan harga serta kaedah pembayaran yang semakin mudah sedikit sebanyak mendorong masyarakat untuk berbelanja tanpa berfikir panjang. Tanpa kawalan dan perancangan yang baik, perbelanjaan yang pada mulanya kelihatan kecil boleh menjadi beban kewangan. Oleh itu, sikap bersederhana dalam berbelanja perlu dijadikan amalan dalam kehidupan agar kita dapat menikmati kehidupan yang lebih teratur, tenang dan sejahtera.

Islam sendiri mengajar umatnya supaya mengamalkan kesederhanaan dan menjauhi pembaziran. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al Furqaan, ayat 67 yang terjemahan makna ayatnya :

"Dan mereka yang apabila membelanjakan harta, mereka tidak berlebih-lebihan dan tidak juga bakhil dan (sebaliknya) perbelanjaan mereka itu adalah sederhana antara kedua-duanya".

Ayat ini memberikan panduan yang jelas bahawa dalam mengurus harta, kita tidak seharusnya terlalu boros dan pada masa yang sama tidak pula bersikap terlalu kedekut. Sebaliknya, setiap perbelanjaan hendaklah dilakukan secara sederhana, mengikut kemampuan dan keperluan.

Salah satu kepentingan bersederhana dalam berbelanja ialah dapat mengelakkan pembaziran. Sebelum membeli sesuatu, kita perlu bertanya kepada diri sendiri sama ada barangan tersebut benar-benar diperlukan atau sekadar memenuhi kehendak sementara. Membezakan antara keperluan dan kehendak merupakan langkah penting dalam membentuk tabiat kewangan yang sihat. Wang yang tidak dibelanjakan secara berlebihan boleh digunakan untuk perkara yang lebih bermanfaat seperti keperluan keluarga, pendidikan, kesihatan, simpanan dan persediaan menghadapi perkara yang tidak dijangka.

Larangan terhadap pembaziran turut ditegaskan oleh Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al Israa', ayat 26 - 27 yang terjemahan makna ayatnya :

"…Dan janganlah engkau membazir (membelanjakan hartamu pada jalan yang menyalahi syarak. Sesungguhnya orang-orang yang membazir (membelanjakan harta pada jalan yang menyalahi syarak) itu ialah saudara-saudara syaitan dan syaitan itu adalah sangat kufur kepada Tuhan-Nya".

Peringatan ini menunjukkan bahawa pembaziran bukanlah perkara yang boleh dipandang ringan. Setiap rezeki yang dikurniakan kepada kita merupakan amanah yang perlu dihargai dan dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya. Berjimat bukan bererti kita tidak boleh menikmati hasil usaha sendiri, tetapi kita perlu mengetahui batas dan mengutamakan perkara yang benar-benar memberi manfaat.

Kesimpulannya, bersederhana dalam berbelanja bukan sekadar tentang berjimat, tetapi mencerminkan kebijaksanaan seseorang dalam mengurus rezeki dan menentukan keutamaan hidup. Sikap ini dapat menghindarkan kita daripada pembaziran dan beban kewangan, di samping membentuk kehidupan yang lebih teratur, bertanggungjawab dan sejahtera.

Oleh itu, marilah kita membudayakan amalan berbelanja secara sederhana dalam kehidupan seharian. Belanjalah mengikut keperluan, bukan semata-mata mengikut keinginan; simpanlah untuk masa hadapan dan manfaatkanlah rezeki yang ada dengan penuh rasa syukur.

PELITA BRUNEI



SRLET : Satu abad menyemai ilmu, membina legasi

Oleh : Hezlinawati Haji Abdul Karim
Foto : Rasyidah Rosland, Ihsan Sekolah Rendah Labu Estate Temburong

SERATUS tahun bukanlah suatu tempoh yang singkat. Di sebalik perjalanan sesebuah institusi pendidikan, tersimpan pelbagai kisah perjuangan, pengorbanan dan kenangan yang menjadi sebahagian daripada sejarah masyarakat. Begitu juga dengan Sekolah Rendah Labu Estate Temburong (SRLET), sebuah institusi pendidikan di Daerah Temburong yang telah melalui perjalanan panjang sejak penubuhannya pada tahun 1924.

Bermula dengan sebuah bangunan sementara yang hanya mempunyai sebuah bilik darjah, sekolah ini pada awalnya dikendalikan oleh seorang guru yang mengajar seramai 30 orang murid. Meskipun dengan kemudahan yang serba sederhana, usaha menyediakan pendidikan kepada anak-anak di kawasan Labu Estate ketika itu menjadi titik permulaan kepada sebuah legasi pendidikan yang terus berkembang sehingga ke hari ini.

Menurut rekod sejarah sekolah, pada tahun 1956, nama Labu Estate (sementara) mula direkodkan sebagai sebahagian daripada perkembangan institusi berkenaan. Perjalanan sekolah kemudiannya menyaksikan satu lagi pencapaian penting apabila bangunan kekal dibina dengan bantuan kerajaan melalui Kementerian Pendidikan. Bangunan tersebut telah dirasmikan pada 17 November 1968 oleh Pegawai Daerah Temburong ketika itu, Awang Johari bin Abd. Razak. Ketika perasmian, sekolah berkenaan mempunyai lima orang guru dan 23 orang murid. Pembinaan bangunan kekal itu menandakan satu perkembangan penting dalam usaha memperkukuh kemudahan pendidikan bagi masyarakat setempat.

Sejak itu, SRLET terus menjadi sebahagian daripada kehidupan masyarakat Labu Estate dan kawasan sekitarnya. Lebih daripada sekadar tempat menimba ilmu, sekolah ini turut memainkan peranan dalam membentuk sahsiah, mengembangkan potensi serta menyediakan asas pendidikan kepada generasi demi generasi.

Sambutan

Perjalanan selama satu abad itu diraikan menerusi Sambutan Satu Abad Kecemerlangan SRLET yang diadakan pada Sabtu, 14 November 2026, bertempat di Dewan Panggung Bangsawan, sekolah berkenaan di Kampong Labu Estate, Mukim Labu, Temburong. Dalam ucapan alu-aluannya, Guru Besar SRLET, Dayang Sabariah binti Haji Berahim antara lain mengongsikan beberapa perkembangan SRLET di era baharu termasuklah pelancaran laman *web* sekolah berkenaan pada 13 April 2005 oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah. Katanya lagi pelbagai kemudahan sokongan pembelajaran seperti Pondok Lupak Si Timur juga dibangunkan hasil usaha berpasukan pihak sekolah dan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) pada Mei 2012. Juga dibina ialah sebuah Pondok Kecemerlangan sumbangan daripada Senukoh Timber Company yang telah digunakan sebagai wadah pengajaran dan pembelajaran bagi menambah keseronokan murid-murid.

Antara acara penting yang mengisi sambutan tersebut ialah upacara menandatangani plak khas sempena 100 tahun penubuhan sekolah oleh tetamu kehormat majlis, Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Hassan Baha bin Haji Umar. Plak berkenaan menjadi simbol peringatan terhadap perjalanan panjang institusi itu serta penghargaan kepada semua pihak yang telah menyumbang kepada kemajuan dan kecemerlangannya. Lebih bermakna lagi, sambutan tersebut menghimpunkan warga sekolah terdahulu dan masa kini, termasuk alumni serta bekas warga sekolah. Pertemuan itu memberikan peluang kepada mereka untuk mengeratkan kembali hubungan silaturahim, berkongsi pengalaman dan mengimbas kenangan sepanjang berada di sekolah berkenaan.

Hidupkan kenangan melalui pameran

Sejarah sesebuah institusi bukan sahaja tersimpan dalam catatan dan dokumen, tetapi turut hidup melalui gambar, bahan peninggalan serta pengalaman mereka yang pernah menjadi sebahagian daripadanya. Sehubungan itu, Pameran Sejarah SRLET menjadi antara pengisian utama sambutan dengan mengetengahkan perjalanan sekolah dari tahun 1924 hingga 2024. Pameran antara lain memaparkan bahan-bahan sejarah, gambar-gambar lama, perkembangan sekolah, pencapaian murid serta pelbagai kenangan yang berkaitan dengan warga sekolah.

Menerusi pameran berkenaan, para pengunjung berpeluang mengenali dengan lebih dekat sejarah penubuhan dan perkembangan sekolah, di samping mengimbau kembali suasana pendidikan pada zaman terdahulu. Bagi generasi muda pula, pameran itu menjadi ruang pembelajaran untuk memahami perubahan dan kemajuan yang telah dilalui oleh sekolah sepanjang 100 tahun.

Selain pameran sejarah, sambutan turut dimeriahkan dengan penyertaan agensi-agensi kerajaan dan organisasi melalui pameran masing-masing, serta pameran dan jualan buku. Pengisian tersebut memberikan nilai tambah kepada sambutan dengan membuka peluang kepada pengunjung untuk mendapatkan maklumat serta mengenali pelbagai perkhidmatan dan bahan bacaan yang disediakan.

Melangkah ke abad seterusnya

Satu abad perjalanan SRLET merupakan gambaran jelas bahawa pendidikan ialah satu usaha berterusan yang memerlukan komitmen, kesungguhan dan kerjasama pelbagai pihak. Setiap guru yang pernah berkhidmat, murid-murid yang pernah menuntut ilmu dan setiap individu yang memberikan sokongan telah meninggalkan sumbangan tersendiri dalam membentuk identiti serta legasi sekolah berkenaan. Sambutan satu abad ini sewajarnya bukan hanya dilihat sebagai peluang untuk mengenang sejarah silam, tetapi juga sebagai titik permulaan untuk menetapkan aspirasi baharu dalam menghadapi cabaran pendidikan masa hadapan. Dengan sokongan berterusan daripada pihak sekolah, ibu bapa, alumni dan masyarakat, SRLET diharap akan terus berkembang serta mengekalkan peranannya sebagai institusi pendidikan yang melahirkan generasi berilmu, berakhlak, berketerampilan dan mempunyai semangat kemasyarakatan.

Sesungguhnya, legasi sesebuah sekolah bukan hanya diukur melalui usianya atau bangunan yang dimiliki, tetapi juga melalui ilmu yang dicurahkan, nilai yang diterapkan dan kejayaan generasi yang pernah dibentuknya. 100 tahun telah berlalu, namun usaha menyemai ilmu dan membina masa depan tidak pernah terhenti.





Perkhidmatan Awam yang transformatif : Menjulang kepimpinan dan kedaulatan raja

SIRI 2

Oleh : Dr. Awang Haji Hambali bin Awang Haji Jaili,
Penolong Kanan Profesor dan Dekan, Fakulti Bahasa Arab,
Universiti Islam Sultan Sharif Ali
Foto : Jabatan Penerangan

Keempat : Amanah mesti disertai kompetensi

PERLU difahami bahawa Islam tidak hanya menuntut kita menjadi penjawat awam yang baik.

Tetapi Islam juga menuntut kita menjadi penjawat awam yang berkebolehan.

Hal ini jelas diceritakan Allah tentang kepercayaan dan kewibawaan Nabi Yusuf Alaihissalam Surah Yusuf, 55 :

Terjemahannya : *"Yusuf berkata: Jadikanlah aku sebagai penjaga perbendaharaan negara; sesungguhnya aku seorang yang menjaga amanah lagi berpengetahuan".*

Perhatikan dua sifat yang disebutkan dalam ayat tadi :

- حَفِيظٌ - bermaksud amanah dan mampu menjalankan tanggungjawab.
- عَلِيمٌ - bermaksud berilmu dan berpengetahuan.

Dengan dua sifat tersebutlah Yusuf Alaihissalam dilantik untuk mengetuai cabaran menghadapi tujuh tahun kemarau yang melanda Mesir yang sebelumnya dilimpahi tujuh tahun dipenuhi kemakmuran. Baginda merancang, mengurus dan mentadbir pada tujuh tahun yang makmur itu dengan penuh hemah dan bijaksana sehingga dapat bertahan untuk tujuh tahun berikutnya yang penuh ujian. Di sinilah pentingnya kombinasi amanah dan ilmu sebagai seorang penjawat awam.

Justeru itu, amanah tanpa kompetensi adalah tidak memadai. Begitu juga kompetensi tanpa amanah juga adalah sia-sia. Kita memerlukan kedua-duanya.

Seorang penjawat awam yang baik bukan sekadar berkata :

"Saya orang yang jujur".

Tetapi dia juga berkata :

"Saya mahu terus belajar, mahu meningkatkan kemahiran dan berusaha memberikan perkhidmatan yang terbaik".

Setiap penjawat awam perlu berubah dari budaya :

"Dari dulu memang begini".

Kepada :

"Bagaimana kita boleh melakukannya dengan lebih baik?"

Berhijrah daripada :

"Ini bukan tugas saya".

Kepada :

"Bagaimana saya boleh membantu?"

Berprinsip daripada :

"Saya sudah buat kerja saya".

Kepada :

"Adakah masalah bawahan benar-benar sudah selesai?"

Inilah namanya transformasi dalam makna yang sebenar.

Kelima : Transformasi teknologi digital seiring transformasi akhlak

Hari ini kita bercakap tentang digitalisasi, kecerdasan buatan, dan perkhidmatan kerajaan yang lebih pintar. Semua ini adalah perlu dan sesuai dengan perkembangan zaman.

Namun kita perlu ingat :

Teknologi boleh mempercepatkan kerja, tetapi manusialah yang menentukan arah kerja.

Sistem boleh menjadi canggih, Tetapi jika manusia tidak amanah, sistem itu boleh disalahgunakan.

Data boleh menjadi hebat, tetapi jika tiada integriti, data boleh dimanipulasi.

Sebab itu transformasi yang sebenar mempunyai dua dimensi :

Transformasi sistem dan transformasi akhlak.

Oleh itu, akhlak menjadi nadi panduan utama dalam penggunaan teknologi digital agar kemajuan tidak disalahgunakan atau menghakis nilai kemanusiaan. Teknologi mempercepat urusan dan penyampaian maklumat, tetapi akhlak pula menentukan sama ada ia digunakan sebaiknya ataupun tidak. Kerana itulah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sangat menekankan kepentingan akhlak dalam sabda baginda :

"Sesungguhnya aku diutus untuk menyempurnakan akhlak yang mulia".
- Riwayat Al-Bukhari

Keenam : Berlaku adil dan ihsan dalam setiap tindakan

Allah Subhanahu Wata'ala berfirman :

"Sesungguhnya Allah menyuruh berlaku adil dan berbuat ihsan". (Surah al-Nahl : 90)

Perhatikan dua kalimah dalam ayat tadi :

Keadilan iaitu memberikan hak yang sewajarnya, manakala ihsan ialah memberikan yang terbaik.

Maka penjawat awam yang transformatif bukan hanya bertanya :

"Adakah SOP telah dipenuhi?"

Tetapi juga berfikir :

"Adakah rakyat dan masyarakat mendapat manfaat?"

Kerana kadang-kadang kita boleh mematuhi SOP namun masih belum memberikan perkhidmatan yang terbaik.

Kita mungkin boleh berkata :

"Permohonan tuan masih dalam proses".

Tetapi penjawat awam yang berorientasikan rakyat dan masyarakat akan berkata :

"Apa yang boleh saya lakukan untuk membantu memudahkan urusan ini dalam ruang peraturan yang dibenarkan?"

Itulah namanya ihsan dalam perkhidmatan.

Ketujuh : Integriti menjaga maruah kerajaan dan negara

Integriti bukan sekadar nilai peribadi tetapi cerminan maruah kerajaan dan negara. Menjaga integriti bererti memelihara amanah, membina kepercayaan masyarakat serta mempertahankan nama baik raja dan negara.

Cuba kita renungkan akan integiriti Umar bin Abdul Aziz Rahimahullah di mana beliau sangat berhati-hati membezakan antara kepentingan negara dan kepentingan peribadi.

Diriwayatkan beliau menggunakan lampu yang dibiayai oleh Baitulmal untuk urusan kerajaan dan urusan rasmi.

Namun apabila urusan peribadi bermula, beliau serta merta tidak mahu menggunakan kemudahan lampu tersebut. Walaupun hanya sebuah lampu.

Bagi kita hari ini mungkin persoalan bukan soal lampu.

Tetapi prinsipnya boleh dilihat pada bagaimana kita menggunakan :

Kemudahan kerajaan, peruntukan kerajaan, kelengkapan pejabat, masa bekerja, perjalanan rasmi dan maklumat kerajaan.

Semua itu menjadi soalan yang perlu kita tanya kepada diri kita sendiri :

"Adakah saya sedang menggunakan amanah negara untuk kepentingan negara, atau untuk kepentingan diri?"

Ingatlah, integriti bukan diuji di waktu orang melihat kita.

Tetapi integriti diuji apabila kita bersendirian. Namun Allah sentiasa melihat akan apa yang kita lakukan.

Hal inilah yang ditekankan oleh raja yang kita kasihi, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam titah sempena Sambutan Hari Perkhidmatan Awam 2023 antara lain baginda menegaskan bahawa integriti Perkhidmatan Awam mesti sentiasa teguh dan tidak boleh roboh kerana keruntuhan integriti akan membawa kepada pelbagai gejala negatif seperti penyelewengan bagi kepentingan peribadi dan rasuah.

Penutup

Marilah kita beriltizam untuk sentiasa menghayati 11 rukun dan etika kerja Perkhidmatan Awam NBD.

Ayuh bersama kita lakukan transformasi :

Daripada bekerja untuk jawatan, kepada bekerja demi amanah.

Daripada bekerja untuk mengejar kedudukan, kepada bekerja demi memperoleh keberkatan.

Daripada melihat rakyat dan masyarakat sebagai pelanggan, kepada melihat mereka sebagai amanah.

Daripada hanya melaksanakan arahan, kepada menterjemahkan melalui perkhidmatan menjadi hasil yang berkesan.

Dan daripada sekadar menyebut kesetiaan kepada raja, kepada membuktikannya melalui kerja yang cemerlang untuk negara.

Allah Subhanahu Wata'ala berfirman :

"Dan katakanlah: Bekerjalah kamu, maka Allah akan melihat pekerjaan kamu, dan Rasul-Nya serta orang-orang yang beriman". (Surah al-Tawbah : 105)

Sebagai kesimpulan, marilah kita bekerja dengan ketakwaan, kerana Allah melihat kerja kita.

Marilah kita berkhidmat dengan kesedaran kerana masyarakat bergantung kepada amanah kita.

Marilah kita menjulang kepimpinan raja, dengan transformasi penjawat awam yang amanah, kompeten dan berintegriti.

Kerana akhirnya :

Jawatan akan berakhir. Kuasa akan berakhir. Kedudukan akan berakhir.

Tetapi semua itu akan dipertanggungjawab kelak di hadapan Allah Subhanahu Wata'ala.

Semoga kita menjadi penjawat awam tunjang kekuatan yang menjulang kepimpinan raja, bertransformasi dengan akhlak, memperkukuh institusi negara dan memelihara kedaulatan NBD dengan rahmat dan petunjuk Allah jua.

"Ya Allah, berikanlah kami taufik untuk menunaikan amanah, berkhidmat kepada negara dan mentaati para pemimpin dalam perkara yang baik. Jadikanlah segala amalan kami ikhlas kerana Engkau.

"Ya Allah, peliharalah Bumi bertuah Brunei Darussalam, kekalkanlah keamanan, keselamatan dan kestabilannya, serta berikanlah petunjuk kepada kepimpinannya dan setiap lapisan penjawat awam untuk melakukan apa yang terbaik bagi negara dan rakyat".

MEMPERKUKUH SEMANGAT SOLIDARITI, PATRIOTISME PENUNTUT



TAKLIMAT disampaikan oleh Pemangku Ketua Cawangan Penerangan Daerah Belait, Awang Mohammad Nurakram bin Haji Noraini @ Bahrin (atas). Sementara gambar bawah, antara pelajar yang menyertai aktiviti pada program tersebut.

Siaran Akhbar : Jabatan Penerangan
Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

SERIA, Selasa, 17 November. – Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Cawangan Penerangan Daerah Belait, Bahagian Komunikasi Strategik telah mengadakan Program Taklimat Kenegaraan 'Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam' bertempat di Conference Room, Lower Campus, Maktab Anthony Abell, Seria.



Taklimat disampaikan oleh Pemangku Ketua Cawangan Penerangan Daerah Belait, Awang Mohammad Nurakram bin Haji Noraini @ Bahrin, kepada 30 penuntut Tahun 7.

Turut hadir, Pengetua Maktab, Awang Steven Shim Sheau Huei, serta para tenaga pengajar.

Selain mendengarkan taklimat, para penuntut juga menyaksikan tayangan video animasi 'Tatacara Menaikkan Bendera' serta berpeluang menyertai Kuiz Kenegaraan bagi menguji dan meningkatkan kefahaman mengenai kandungan taklimat.

Program berkenaan merupakan salah satu usaha berterusan Jabatan Penerangan dalam menyemai cinta terhadap raja, agama, bangsa dan negara. Selain itu, ia juga dihasrat akan dapat mengukuhkan lagi semangat solidariti, patriotik dan kenegaraan yang tinggi dalam diri penuntut.

Puisi

Jauhilah Dayyuth

Dengan ikhlas hati
saya memperingatkan
diri sendiri
dan juga
sekalian kaum suami
dan kaum bapa
supaya kita
jangan jadi
"Orang *Dayyuth*",
kerana menurut Hadits Nabi
(riwayat Ahmad):
Orang *Dayyuth*
tidak masuk Syurga.
Apa erti *dayyuth* itu?
Ertinya tidak cemburu
terhadap keluarga
dengan membenarkan
atau membiarkan
keburukan berlaku
ke atas mereka,
seperti isteri
atau anak perempuan
mendedahkan 'aurat
di khalayak ramai,
lalu SUAMI
atau BAPA
membiarkannya,
maka inilah namanya *DAYYUTH*
yang menghalangi
dari masuk Syurga.
Ingatlah!
Hukum *dayyuth*
dikenakan kepada
semua para bapa
semua para suami
semua para wali
secara umumnya
(Lihat *Fatawa Yasâlunak* 5/529).
Dari apa
yang dapat disaksikan
bahawa kejadian *dayyuth* itu
sangat banyak berlaku
di kalangan umat Islam,
makanya bererti
sangat ramailah
yang akan kempunan
dengan Syurga Allah Ta'ala.
Oleh itu
wahai diri
wahai saudara
dari kalangan kaum bapa
dan kalangan kaum suami,
marilah kita
sama-sama berazam
untuk tidak terpalit
dengan perbuatan *dayyuth* itu.

ADI RUMI,
Rumah Hidayah,
Brunei Darussalam.
02 Jamadilakhir, 1448
12 November, 2026.

Alai Pintar

SOALAN 185

SOALAN 18 NOVEMBER 2026, RABU

Pilih jawapan yang sesuai bagi setiap soalan.

1. Apakah warna kad pengenalan (IC) bagi seorang warganegara Brunei?
   a) Ungu
   b) Hijau
   c) Kuning

2. 6 hari bersamaan dengan _____ jam?
   a) 54 jam
   b) 100 jam
   c) 144 jam

3. Menolong orang yang susah itu perbuatan yang _____?
   a) Sia-sia
   b) Jahat
   c) Baik

TARIKH TUTUP : 28 NOVEMBER 2026

SYARAT PERADUAN

1. Jika Alai Berumur 12 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah mahupun menengah kerajaan atau swasta, maka Alai dibenarkan menjawab soalan
2. Alai dibenarkan menghantar SATU penyertaan sahaja ke :
   - **Sidang Pengarang, ALAI PINTAR Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam**
   - **Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Belait**
   - **Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Tutong; dan**
   - **Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Temburong**
3. Alai juga boleh menggambar borang jawapan dan menghantar terus melalui aplikasi Whatsapp ke talian **+673 7293554** atau e-mel ke **pelita.brunei@information.gov.bn**
4. Alai mestilah mengisikan maklumat di bawah dengan betul dan lengkap

Nama : .....
Tarikh Lahir : .....
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : .....
Sekolah : .....
Tahun : .....
Alamat : .....
.....
Nombor Telefon (mudah dihubungi) : .....

JAWAPAN SOALAN 184 : S1 A S2 B S3 C

HADIAH PEMENANG

3X BAUCER BND 40 BAGI ALAI YANG MENJAWAP DENGAN TEPAT

***UNDIAN AKAN DILAKUKAN JIKA LEBIH DARI 3 ORANG PEMENANG**

PEMENANG ALAI PINTAR :

Nama : **Nur Shakira binti Abdul Hafiz**
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : **0161067-01**. Sekolah : **Sekolah Freda Radin**
Nama : **Dk. Haura Alikha binti Pg. Mohd. Amirruddin**
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : **0145847-01**. **Sekolah : Sekolah Rendah Labu Estete Temburong**
Nama : **Md. Hisham Amiruddin Shah bin Md. Khairuddin Shah**
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : **0128415-01**. Sekolah : **Sekolah Rendah Rataie**

SERANGAN SIBER JEJAS 178 JENAMA GLOBAL, ANCAM KESELAMATAN DATA PENGGUNA

ANKARA, 17 Nov. - Pengunjung laman *web* 178 organisasi utama dunia termasuk Zoom, BBC, CNN, HSBC dan IKEA terdedah kepada kod JavaScript berbahaya yang disebarkan menerusi platform *web* pihak ketiga yang digodam pada Isnin, menurut firma keselamatan siber Report URI, lapor Anadolu Ajansi.

Dalam satu kenyataan, Report URI memaklumkan bahawa insiden yang dilaporkan pada Selasa itu turut menjejaskan beberapa platform dan syarikat terkemuka lain menerusi platform pengujian *web* Optimizely termasuk Salesforce, GitLab, Equifax, Air France-KLM, pengeluar dompet perkakasan mata wang kripto Ledger serta perkhidmatan penstriman Peacock.

Perisian hasad pelbagai fungsi itu direka untuk memintas maklumat kad pembayaran, menggantikan alamat dompet mata wang kripto pengguna dengan alamat yang dikawal penyerang, selain mencuri kuki pelayar web dan tangkap layar.

Menurut laporan itu, kod berbahaya yang disisipkan turut menyebarkan perisian eksploitasi keselamatan iOS, Coruna dan DarkSword, kepada peranti iPhone dan iPad keluaran Apple.

Laporan itu turut memaklumkan bahawa transaksi yang telah disahkan menunjukkan berlaku kecurian mata wang kripto yang dikaitkan dengan penyerang terbabit.

Sebahagian besar kod berbahaya berjaya disingkirkan dengan pantas selepas dikesan, dengan skrip yang dijangkiti hanya ditemukan dalam satu daripada 188 cebisan kod yang terjejas setakat 9.52 malam Isnin waktu UTC, berbanding 169 pada 8.56 malam hari sama. - ©BERNAMA

Aktivis Sudan Selatan, penerima Anugerah Hak Asasi Manusia Nuremberg 2027

NUREMBERG (REPUBLIK PERSEKUTUAN JERMAN), 17 Nov. - Aktivis hak asasi manusia dari Sudan Selatan David Yambio dinamakan sebagai penerima Anugerah Hak Asasi Manusia Nuremberg 2027 atas perjuangannya menentang eksploitasi dan penyeksaan terhadap pelarian, lapor Agensi Berita Jerman (DPA).

Hadiah itu bernilai USD25,000 (kira-kira 23,500). Pada usia 29 tahun, Yambio merupakan penerima termuda anugerah berkenaan yang disampaikan di Nuremberg sejak 1995.

Yambio adalah pengasas bersama dan Pengarah Urusan pertubuhan Refugees in Libya.

"Beliau komited, dengan keberanian luar biasa dan dedikasinya secara peribadi yang tinggi, dalam mempertahankan hak pelarian dan migran," kata juri antarabangsa dalam satu kenyataan akhbar.

Menurut juri itu, usaha beliau tertumpu khususnya kepada golongan yang menjadi mangsa pencabulan hak asasi manusia paling serius di sepanjang laluan Mediterranean tengah dan di Libya.

Hadiah itu akan disampaikan pada 26 September 2027 di Panggung Opera Nuremberg.

Menurut juri itu, Refugees in Libya telah berkembang menjadi pusat rujukan penting bagi golongan pelarian dan migran.

Matlamat Yambio bukan sahaja untuk menyokong mereka yang terjejas tetapi juga membawa pihak yang bertanggungjawab ke muka pengadilan.

Yambio sendiri pernah dipaksa berkhidmat sebagai tentera kanak-kanak di Sudan Selatan.

Beliau melarikan diri ke Libya, dan di sana beliau berulang kali dipenjarakan serta diseksa. - ©BERNAMA

AI atasi model konvensional dalam ramalan laluan taufan di Jepun

TOKYO, 16 Nov. - Ramalan laluan taufan berasaskan Kecerdasan Buatan (AI) kini mengatasi model konvensional berasaskan fizik, apabila AI berjaya meramalkan lebih awal laluan sebenar yang akhirnya dilalui Taufan Champi bulan lepas, lapor Agensi Berita Kyodo.

Syarikat penyedia perkhidmatan ramalan cuaca swasta Weathernews Inc. telah menggunakan ramalan AI, manakala agensi meteorologi Jepun sedang menjalankan penyelidikan dan pembangunan ke arah penggunaan kaedah itu. Bagaimanapun menurut pakar, masih terdapat cabaran, termasuk dalam meramalkan keamatan taufan.

Model konvensional berasaskan fizik menggunakan data seperti suhu, tekanan udara dan paras wap air yang dimasukkan ke dalam superkomputer untuk membuat pengiraan berdasarkan hukum fizik.

Sementara itu, model ramalan AI mempelajari sejumlah besar data cuaca lampau untuk mengenal pasti kecenderungan dan pola yang berulang, sebelum mencari corak yang serupa dengan keadaan semasa bagi menganggarkan pergerakan atmosfera.

Agensi Meteorologi Jepun (JMA) menggunakan model berasaskan fizik sebagai kaedah utama, selain turut merujuk model AI daripada pihak luar.

Taufan Champi, taufan ke-30 tahun ini, terbentuk di Lautan Pasifik pada 15 Oktober lepas dan pada mulanya bergerak ke arah barat. Setakat 19 Oktober, kebanyakan ramalan berasaskan fizik oleh agensi itu dan institusi meteorologi luar negara menjangkakan taufan berkenaan akan menghampiri Taiwan sebelum menuju ke Republik Rakyat China.

Bagaimanapun, model AI meramalkan taufan itu akan bergerak ke arah utara berhampiran Okinawa sebelum membelok di Laut China Timur.

Taufan berkenaan sebenarnya membelok secara mendadak selepas menghampiri Kepulauan Nansei, gugusan pulau yang terbentang ke arah barat daya dari Kyushu, satu daripada pulau utama Jepun.

"AI menunjukkan prestasi cemerlang dalam meramalkan aliran atmosfera berskala besar, termasuk sistem tekanan tinggi Pasifik dan angin baratan yang mempengaruhi laluan taufan, serta berjaya meramalkan dengan tepat masa taufan itu membelok," kata Munehiko Yamaguchi dari Jabatan Penyelidikan Taufan dan Cuaca Ekstrem di Meteorological Research Institute.

Penyedia perkhidmatan cuaca swasta dibenarkan mengeluarkan ramalan taufan sendiri tertakluk kepada syarat tertentu, termasuk mengehadkan penerima ramalan berkenaan. Sejak tahun lepas, Weathernews menyediakan ramalan laluan taufan menggunakan AI kepada pelanggan berbayarnya.

Sisihan ramalan laluan bagi taufan pertama hingga ke-26 tahun lepas menggunakan AI adalah kira-kira
30 peratus lebih rendah berbanding model berasaskan fizik.

"Kami boleh meningkatkan ketepatan ramalan dengan memanfaatkan AI sebaik mungkin," kata pegawai pusat ramalan syarikat itu, Kohei Sakamoto.

Naoto Yamada, naib presiden Tanemaki Joso, sebuah syarikat pertanian yang mengusahakan penanaman tomato ceri secara besar-besaran di Joso, Wilayah Ibaraki, berkata beliau sentiasa merujuk ramalan AI kerana ia "sangat tepat".

Ketika Taufan Dujuan menghampiri wilayah Kanto pada September tahun ini, syarikat itu dapat mengambil langkah awal kira-kira seminggu sebelum taufan berkenaan tiba berdasarkan ramalan Weathernews, termasuk memasang penghadang banjir dan mengatur syif pekerja.

Ramalan awal agensi meteorologi menjangkakan taufan itu akan bergerak ke arah barat Jepun atau Okinawa, manakala AI menunjukkan kemungkinan taufan berkenaan menghampiri wilayah Kanto yang berpusat di sekitar Tokyo.

Bagaimanapun, model AI juga mempunyai kelemahan. Yamaguchi dari Meteorological Research Institute berkata model berkenaan kurang berkesan dalam meramalkan keamatan taufan, sekali gus menyukarkan ramalan tepat mengenai jumlah hujan dan kelajuan angin.

Namun, keadaan itu mungkin berubah tidak lama lagi seiring dengan kemajuan teknologi yang pesat.

"Model AI tidak boleh diabaikan. Kita perlu mempertimbangkan cara untuk menggunakannya bagi membantu menyediakan maklumat pencegahan bencana," kata Yamaguchi. - ©BERNAMA

Kepulauan Canary rekod ketibaan migran harian tertinggi dalam 32 tahun

MADRID, 16 Nov. - Sekurang-kurangnya 1,580 migran tiba di Kepulauan Canary, Sepanyol, pada Sabtu melalui laluan migrasi Lautan Atlantik, mencatatkan jumlah ketibaan tertinggi dalam sehari sepanjang 32 tahun sejarah laluan itu, menurut agensi berita Sepanyol EFE, lapor Xinhua.

Angka itu mengatasi rekod harian terdahulu sebanyak 1,461 orang yang diselamatkan pada 7 Nov 2020. Menurut EFE, lebih 2,400 migran tiba di kepulauan itu sepanjang Jumaat dan Sabtu.

Kebanyakan migran tiba di Pulau El Hierro, dengan 1,327 orang mendarat di pulau berkenaan. Kumpulan terbesar terdiri daripada 240 migran yang menaiki sebuah bot yang berlepas dari Gunjur, Gambia, enam hari sebelumnya.

Sebuah lagi bot yang membawa 203 orang tiba di Gran Canaria, dengan 17 penumpang memerlukan rawatan di hospital, manakala 50 lagi migran mendarat di Tenerife, dengan seorang daripada mereka turut dibawa ke hospital.

Angka sementara menunjukkan bahawa sekurang-kurangnya 120 wanita dan 173 kanak-kanak bawah umur adalah antara migran yang tiba pada Sabtu.

Migran yang tiba di El Hierro menghabiskan masa antara empat hingga tujuh hari di laut selepas berlepas dari Senegal, Gambia dan Mauritania.

Enam kapal milik perkhidmatan penyelamat maritim Sepanyol, Salvamento Marítimo, serta dua bot peronda Pengawal Awam menyertai operasi menyelamat pada Sabtu.

Menurut angka rasmi Kementerian Dalam Negeri Sepanyol, seramai 13,327 migran tiba di Kepulauan Canary melalui laut antara 1 Januari hingga 31 Oktober 2026, menurun 5.5 peratus berbanding tempoh sama tahun lepas.

Sementara itu, pertubuhan hak migran Walking Borders (Caminando Fronteras) melaporkan bahawa sekurang-kurangnya 635 orang maut ketika cuba menyeberangi Lautan Atlantik menuju ke Kepulauan Canary dalam tempoh lima bulan pertama tahun ini.

Pertubuhan itu menganggarkan kira-kira 21 orang maut bagi setiap 100 migran yang berjaya tiba di kepulauan berkenaan sepanjang tempoh itu. - ©BERNAMA

Republik Perancis kuat kuasa larangan sementara produk piroteknik susulan protes

MOSCOW, 16 Nov. - Kerajaan Republik Perancis mengenakan larangan sementara terhadap penjualan dan penggunaan bahan piroteknik susulan demonstrasi yang masih berterusan, menurut notis yang diterbitkan dalam warta rasmi negara itu pada Ahad, lapor Sputnik/RIA Novosti.

"Perdana Menteri menetapkan bahawa penjualan dan penggunaan bahan piroteknik serta bunga api untuk tujuan hiburan dilarang di seluruh negara sehingga 27 November, termasuk tarikh berkenaan," menurut notis itu.

Dokumen berkenaan menyenaraikan jenis bahan piroteknik berisiko rendah dan sederhana yang tertakluk kepada sekatan itu. Bagaimanapun, larangan tersebut tidak terpakai kepada pertunjukan piroteknik profesional yang memerlukan permit bersesuaian. Sekatan itu berkuat kuasa serta-merta.

Demonstrasi bermula di Republik Perancis pada pertengahan September apabila pelajar sekolah menengah turun ke jalanan di pinggir bandar Paris bagi menuntut penambahbaikan keadaan sekolah.

Mereka kemudian disertai orang ramai yang tidak berpuas hati dengan kenaikan harga barang, sebelum demonstrasi itu merebak ke wilayah lain. Demonstrasi terbesar di seluruh negara berlangsung pada 17 Oktober, dengan penyertaan kira-kira 550,000 orang, menurut Kementerian Dalam Negeri.

Anggota penguat kuasa undang-undang Republik Perancis menggunakan gas pemedih mata, bom tangan pegun dan meriam air terhadap penunjuk perasaan. - ©BERNAMA

PELITA BRUNEI



BDSG 2026 DIRASMIKAN



YANG Mulia Timbalan Menteri Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Pembukaan Rasmi Kejohanan Sukan Sekolah-Sekolah Brunei Darussalam (Brunei Darussalam Schools Games 2026 - BDSG 2026) Kali Ke-3.

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Mohammad Hasif Matzin

BERAKAS, Isnin, 16 November. - Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam pagi tadi mengadakan Majlis Pembukaan Rasmi Kejohanan Sukan Sekolah-Sekolah Brunei Darussalam (Brunei Darussalam Schools Games 2026 - BDSG 2026) Kali Ke-3, bertempat di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan pembukaan rasmi kejohanan ialah Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Paduka Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal.

Atur cara dimulakan dengan perbarisan masuk kontinjen dan pegawai-pegawai teknikal, diikuti dengan nyanyian Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam, 'Allah Peliharakan Sultan'.

Acara diteruskan dengan ucapan alu-aluan daripada Pengerusi Bersama Majlis, Pengarah Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan, Awang Julaihi bin Mohamad / Mohamat, diikuti dengan persembahan koir Lagu Rasmi BDSG.

Majlis seterusnya menyaksikan bacaan Ikrar Sukan oleh wakil atlet pelajar bersama Ketua Teknikal BDSG Kali Ke-3, sebelum tetamu kehormat diperkenalkan kepada kontinjen-kontinjen yang mengambil bahagian.

Pada tahun ini, BDSG Kali Ke-3 menyaksikan sebanyak lima acara sukan dipertandingkan, iaitu Bola Jaring, Bocce, Badminton, Futsal dan Olahraga (Kids Athletics).

Kejohanan ini berlangsung selama lapan hari, bermula 16 hingga 23 November 2026, melibatkan penyertaan seramai 690 atlet pelajar sekolah rendah dari enam kluster sekolah kerajaan di bawah kawalan Kementerian Pendidikan.

Penganjuran BDSG merupakan salah satu inisiatif Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pendidikan Kokurikulum dalam usaha mencungkil dan mengembangkan bakat serta potensi pelajar dalam bidang sukan, di samping memperkukuh pembangunan sukan di peringkat sekolah.

Pada edisi kali ini, BDSG dikhususkan kepada penyertaan pelajar sekolah rendah, dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Khas selaku penganjur bersama bagi memperluas peluang penyertaan kepada pelajar berkeperluan khas dalam kejohanan tersebut.

Majlis Pembukaan Rasmi ini juga bertujuan untuk menyemarakkan semangat kesukanan, disiplin dan kerjasama berpasukan dalam kalangan atlet pelajar, serta mengeratkan hubungan silaturahim dan perpaduan antara kontinjen yang menyertai kejohanan.

Cabaran Arrurbada Impian 2026 uji ketahanan fizikal, mental

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Ihsan Arrurbada Impian

TEMBURONG, Isnin, 16 November. - Cabaran Arrurbada Impian 2026 yang menggabungkan aktiviti Trail Run dengan enam halangan mencabar berjaya menarik penyertaan sebanyak 14 pasukan, terdiri daripada 10 pasukan lelaki dan empat pasukan perempuan.

Penganjuran julung kalinya itu merupakan anjuran bersama Majlis Perundingan Mukim (MPM) Labu Temburong dan Ahli Jawatankuasa Arrurbada Impian Mukim Labu, bertempat di Taman Rekreasi dan Peranginan Arrurbada (Arrurbada Impian), Mukim Labu, Daerah Temburong.

Cabaran tersebut bukan sahaja menguji ketahanan fizikal, mental dan emosi para peserta, malah turut menekankan aspek kerjasama berpasukan, disiplin, kesefahaman serta semangat setia kawan dalam menghadapi setiap rintangan yang disediakan.

Menggunakan laluan Arrurbada Trail, para peserta perlu menempuh enam halangan, dengan lima halangan ditempatkan di sepanjang laluan hutan, termasuk Rope Swing Obstacle dan Uphill Challenge. Halangan terakhir pula melibatkan aktiviti berkayak.

Menariknya, penentuan pemenang bukan hanya berdasarkan kepantasan masa untuk sampai ke garisan penamat, tetapi turut mengambil kira keupayaan setiap pasukan menyempurnakan kesemua enam halangan yang ditetapkan.

Bagi Kategori Lelaki, tempat pertama diraih oleh pasukan Majlis Perundingan Kampung (MPK) Labu Estate dan Piasau-Piasau dengan catatan masa 14 minit 35 saat, diikuti MPK Senukoh di tempat kedua dengan 17 minit 48 saat, manakala MPK Bokok menduduki tempat ketiga dengan catatan 20 minit 38 saat.

Sementara itu, bagi Kategori Perempuan, pasukan MPK Belais dan Buda-Buda berjaya meraih tempat pertama dengan catatan masa 33 minit. Pasukan yang sama turut menduduki tempat kedua dengan catatan masa 49 minit, setelah berjaya menyempurnakan kesemua enam halangan yang disediakan. Tempat ketiga pula disandang oleh pasukan MPK Labu Estate dan Piasau-Piasau dengan catatan masa 29 minit.

Penyampaian hadiah bagi Kategori Lelaki disempurnakan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Nasir, Ketua Kampung Labu Estate dan Piasau-Piasau, manakala hadiah bagi Kategori Perempuan disampaikan oleh Penghulu Mukim Zon 1, Awang Arbi bin Haji Shahari yang juga selaku Pengerusi MPM Labu.



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara semasa menyempurnakan penyampaian hadiah kepada salah seorang penerima.

Penganjuran Cabaran Arrurbada Impian 2026 merupakan antara usaha untuk mempelbagaikan kegiatan rekreasi dan riadah yang ditawarkan di Arrurbada Impian, sekali gus menarik lebih ramai pengunjung untuk menikmati kemudahan serta aktiviti yang disediakan.

Adapun Arrurbada Impian mula diusahakan pada penghujung November 2025 sebagai inisiatif menyediakan ruang rekreasi, riadah dan aktiviti santai kepada orang ramai.Antara kemudahan yang tersedia termasuk kawasan *glamping*, junjung dan pondok rehat, Arrurbada Trail serta aktiviti memancing dan berkayak.

Melalui penganjuran seumpama ini, Arrurbada Impian diharap akan terus berkembang sebagai destinasi rekreasi yang berpotensi di Daerah Temburong, di samping menjadi wadah memperkukuh hubungan silaturahim, perpaduan dan kerjasama dalam kalangan ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung serta penduduk setempat.